

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 27hb. Mei, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dengan  
izin, soalan No. 1.

**ANGGOTA TENTERA DARAT/LAUT/UDARA - JUMLAH  
BERHENTI**

**1. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah anggota tentera dari Pasukan Tentera Darat, Laut dan Udara yang berhenti dari perkhidmatan:
  - (i) persaraan wajib;
  - (ii) pilihan sendiri;
  - (iii) dikenakan tindakan tatatertib; dan
- (b) berapakah jumlah anggota pasukan angkatan tentera yang masih berkhidmat sekarang.

**16. Tuan Haji Othman bin Yunus** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah anggota Angkatan Tentera Malaysia bagi semua peringkat yang berkhidmat dari Januari hingga Disember, 1995 dan berapa ramaikah pula

yang meletakkan jawatan sepanjang tempoh tersebut serta apakah sebab-sebab utama mereka meletakkan jawatan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Othman Yunus kerana kedua-dua soalannya ada persamaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat Tuan Haji Othman Yunus nombor berapa?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** No. 16.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia bagi tahun 1995 adalah seramai lebih kurang 97,500 orang. Seramai 5,900 orang telah meletakkan jawatan pada tahun 1995 dan seramai 2,179 orang anggota telah pun berhenti bagi tahun 1996.

Sebab-sebab pemberhentian mereka adalah kerana persaraan wajib, berhenti kerana pilihan sendiri dan diberhentikan kerana salahlaku ataupun sebab tindakan tatatertib, pecahannya adalah seperti berikut:-

- (i) Persaraan wajib adalah berjumlah seramai 473 orang anggota:

Tentera Darat	-	255 orang
Tentera Laut	-	50 orang
Tentera Udara	-	168 orang

(ii) Berhenti pilihan sendiri berjumlah 1,466 anggota:

Tentera Darat	-	1,051 orang
Tentera Laut	-	365 orang
Tentera Udara	-	50 orang

(iii) Berhenti kerana salahlaku ataupun tatatertib  
berjumlah 240 orang:

Tentera Darat	-	184 orang
Tentera Laut	-	44 orang
Tentera Udara	-	12 orang

(b) Jumlah anggota angkatan tentera yang masih berkhidmat  
sekarang adalah lebih kurang 97,500 orang anggota.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua,  
soalan tambahan. Kebelakangan ini kita dapati pemuda-pemuda tidak begitu  
minat untuk menjadi perajurit. Mengapa sebab keadaan ini berlaku?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua,  
memang benarlah sepertimana kata Yang Berhormat tadi bahawasanya  
kebelakangan ini terdapat ramai belia yang tidak cenderung memasuki angkatan  
tentera oleh kerana negara kita sedang pesat membangun daripada segi

ekonominya, mereka lebih suka bekerja di tempat-tempat lain yang mana disiplinnya kurang, kerjanya senang, gaji lebih baik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan dan Kementerian Pertahanan menyedari masalah ini dan sedang berusaha dengan berbagai-bagai kempen untuk menggalakkan lagi seberapa ramai yang boleh belia-belia terus sanggup dan mahu memasuki angkatan tentera.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan berkaitan dengan persaraan pilihan sendiri, mengapa begitu banyak sekali angkanya, adakah sebab gaji dan sebagainya? Kalau berkait dengan hal gaji, mengapa kita tidak mengambil sesuatu tindakan bahawa kita mahukan pemuda yang menjaga negara kita iaitu biarlah lebih ramai menjadi askar daripada lain-lain kerja. Pada masa dahulu kala saya rasa ramai orang hendak masuk askar, tetapi mengapa sekarang anak-anak muda tak mahu masuk askar?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berhenti secara sendiri itu oleh kerana mendapat tawaran yang lebih baik di luar. Itu adalah merupakan satu sebab yang utama mengapa mereka memilih untuk meninggalkan angkatan tentera. Sepertimana saya katakan tadi bahawasanya kerajaan telah pun menyedari perkara ini dan sekarang pihak kementerian telah pun menghantar satu kertas kerja untuk kita review taraf gaji dan elaun angkatan tentera kita di semua peringkat agar ianya

lebih menarik; semoga dengan itu, kalau dapat diluluskan oleh kerajaan pusat, maka mungkin kita dapat mengurangkan jumlah mereka yang ingin berhenti secara pilihan sendiri.

### **PUTRAJAYA - LUAS PEJABAT/TANAH YANG DIKOSONGKAN AKIBAT PERPINDAHAN**

**2. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan senarai dan nilai keluasan kaki persegi pejabat-pejabat serta keluasan tanah kerajaan yang dikosongkan apabila siapnya pusat pentadbiran di Putrajaya dan apakah rancangan pihak kerajaan terhadap tanah dan pejabat yang dikosongkan itu.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila siapnya pembinaan Pusat Pentadbiran Putrajaya dan perpindahan kementerian-kementerian terlibat dilaksanakan sepenuhnya, dianggarkan kira-kira 2.13 juta kaki persegi (198,222 meter persegi) ruang pejabat di bangunan-bangunan kerajaan di Kuala Lumpur akan dikosongkan. Di samping itu, dianggarkan juga kira-kira 28.14 juta kaki persegi (261 hektar ataupun 646 ekar) tanah tapak bangunan-bangunan yang berkenaan akan dikosongkan.

Mengikut keadaan sekarang, kadar purata sewa ruang pejabat bagi bangunan-bangunan kerajaan yang berkenaan ialah RM3.50 sekaki persegi. Kadar ini mungkin berubah apabila perpindahan ke pusat pentadbiran Putrajaya dilaksanakan. Bagi tanah-tanah yang berkaitan pula, dianggarkan nilainya bagi sekaki persegi ialah antara RM200 hingga RM300 khusus untuk kegunaan pejabat sahaja. Nilai yang lebih tepat bagi tanah-tanah ini belum dapat

disediakan kerana masih dalam kajian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Kerajaan memang mempunyai perancangan tertentu untuk menggunakan tanah-tanah dan ruang-ruang pejabat yang akan dikosongkan itu. Bagaimanapun, oleh kerana perkara ini masih lagi dalam peringkat perancangan, adalah lebih sesuai pengumuman mengenainya dibuat kemudian setelah keputusan muktamad diperolehi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan nilai tanah yang begitu tinggi iaitu purata antara RM200-RM300 setiap kaki persegi, ini bererti pihak kerajaan mempunyai potensi yang amat tinggi dari segi keupayaan mendapat khazanah kekayaan. Adakah kerajaan bercadang untuk menjual atau menswastakan tanah-tanah di tengah-tengah kota ini dan pejabat-pejabat bagi menampung keupayaan membiayai pembangunan Putrajaya? Kalau ianya bercadang berapakah jumlah atau estimate yang akan diterima oleh pihak kerajaan apabila tanah khazanah ini dapat dijual?

**Tuan Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebahagian daripada harta-harta ini kemungkinannya digunakan bagi membiayai pembangunan khasnya bangunan bahagian kerajaan sahaja di Putrajaya. Harus juga diingat bahawa Putrajaya akan dilaksanakan secara penswastaan, hanya sebahagian sahaja bagi bangunan-bangunan kerajaan yang akan dibiayai oleh

kerajaan sendiri, kemungkinannya sebahagian daripada harta ini akan digunakan bagi membiayai kos pembangunan bahagian kerajaan di Putrajaya. Bagi yang lainnya, sememangnya sedang dalam kajian dan memang kerajaan akan cuba menggunakan harta-harta ini secara yang paling optimum bagi kepentingan rakyat dan negara.

**Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Setiausaha Parlimen telah menjawab tadi untuk ‘menswastakan’, jadi saya ingin bertanya peluang-peluang untuk mengguna tanah ini, sama ada kerajaan hendak memberi kepada orang-orang tertentu sahaja ataupun hendak buka dan beri peluang kepada orang lain dalam soal penswastakan ini? Saya dengar ada orang mengatakan “hanya orang-orang tertentu sahaja yang selalu dapat”, jadi sama ada peluang-peluang ini boleh diagih kepada orang lain?

**Tuan Azmi bin Khalid:** Soalan ini memang selalu ditanya dan memang soal ini agak sensitif. Sememangnya kerajaan akan mengguna secara yang paling optimum; sama ada hendak diswastakan keseluruhan atau tidak itu belum dapat ditentukan. Bagaimanapun andaian bahawa hanya pihak yang tertentu sahaja yang mendapat peluang, ini bukan menjadi dasar, kalau ianya pun berlaku hanya secara kebetulan sahaja dan saya rasa kerajaan akan mengambil maklum tentang apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi agar pendapat umum ini tidak keterlaluan.

**PROGRAM KAUNSELING PENDIDIKAN - JUMLAH  
DILAKSANAKAN**

3. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa beberapa program kaunseling berkenaan pendidikan di kalangan penduduk dan kanak-kanak luar bandar dilihat sebagai elemen penting kesedaran terhadap pendidikan masa kini dan masa akan datang:

- (a) berapa banyakkah program seperti ini telah dijalankan setakat ini dan bagaimanakah sambutan masyarakat umum; dan
- (b) kesan-kesan positif dan negatif program ini diukur dari segi bilangan kanak-kanak tidak bersekolah dan keciciran

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, Kementerian Pendidikan menjalankan Program Bimbingan dan Kaunseling di semua sekolah menengah di negara ini.

Di peringkat sekolah rendah, Program Kaunseling diadakan di 3,537 buah sekolah rendah yang melibatkan 1,832 guru kaunseling terlatih dan 1,705 guru kaunseling tidak terlatih.

Pihak kementerian sedang dan akan memperbanyakkan lagi kursus-kursus kaunseling peringkat sijil dan diploma agar semua sekolah menengah dan rendah mendapat perkhidmatan guru kaunseling yang terlatih. Semua program kaunseling adalah merupakan aktiviti berterusan dan setakat ini mendapat sokongan ibu bapa pelajar dan masyarakat umum.

Kerajaan telah menyediakan kemudahan pendidikan termasuk membina sekolah-sekolah untuk membolehkan setiap kanak-kanak di negara ini berpeluang mendapat pendidikan asas selama 9 tahun. Oleh yang demikian,



sama ada kanak-kanak itu bersekolah atau sebaliknya adalah bergantung kepada sikap dan kesedaran ibu bapa sendiri. Walau bagaimanapun, memandangkan kadar penyertaan kanak-kanak ke sekolah rendah yang semakin meningkat, menunjukkan kesan-kesan positif wujudnya kesedaran yang semakin meningkat terhadap kepentingan pendidikan di kalangan masyarakat umum.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya mengenai kaunseling. Mengikut sebahagian guru-guru, kebanyakan bahan-bahan rujukan yang mereka kaji di masa mereka mengikuti kursus adalah bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan perkara-perkara luar dari negara kita Malaysia, pada hal negara kita mempunyai budaya sendiri dari segi pelbagai aspeknya.

Soalan saya ialah adakah kerajaan khususnya kementerian mempunyai rancangan untuk membuat ujikaji mengenai keadaan dalam negara kita ini untuk membentuk program kaunseling di sekolah yang lebih berkesan lagi?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang bahan-bahan rujukan yang kita guna sekarang memang mengandungi banyak unsur luar dan melalui pelbagai aktiviti yang sedang dan akan terus kita buat terutama sekali di peringkat maktab-maktab dan juga universiti-universiti.

Kita akan cuba menerapkan unsur-unsur dan nilai-nilai yang berteraskan kepada asas-asas, keadaan serta suasana yang ada di dalam negara kita ini, dengan harapan apa yang kita panjangkan kepada murid-murid dan pelajar-pelajar kita pada akhirnya akan berpaksikan kepada iklim yang terdapat dalam negara kita ini.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlukan penjelasan lagi, sebab soalan ini merangkumi dua pihak kaunseling kanak-kanak sekolah dan kaunseling ibu bapa, kaunseling penduduk ataupun kaunseling anggota masyarakat.

Saya difahamkan sekian-sekian sekolah mengadakan kaunseling untuk ibu bapa dan masyarakat. Jadi, saya ingin tahu dari pihak kementerian seperti yang dipersoalkan di sini, berapa banyak kaunseling masyarakat ataupun ibu bapa ini telah pun diadakan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kumpulan sasar kita itu mengandungi beberapa kumpulan ataupun kelompok terutama sekali pada peringkat sekolah rendah dan menengah seperti yang saya katakan.

Sepanjang yang berkaitan dengan ibu bapa dan masyarakat umum di peringkat sekolah, usaha ini kita uruskan dalam pelbagai kegiatan melalui badan-badan yang kita tubuhkan di peringkat sekolah seperti PIBG, Jawatankuasa Muafakat dan juga Briged Komuniti. Banyak kursus yang diadakan melibatkan kelompok-kelompok ibu bapa melalui perkara-perkara yang diuruskan atau kerjasama daripada sekolah dan juga ibu bapa.

Untuk masyarakat umum pada keseluruhannya kerajaan memang mempunyai suatu jentera untuk melaksanakan kursus-kursus Bina Insan yang diadakan dari semasa ke semasa yang banyak berkisar kepada soal-soal

membina sikap dan juga memberikan pendedahan-pendedahan kepada ibu bapa dan juga masyarakat umum khususnya akan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan soal pendidikan di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memandangkan popularnya soalan ini, saya beri satu peluang lagi. Tuan Haji Abdul Majid.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah murid-murid tidak bersekolah. Bagaimana kedudukan murid-murid yang ponteng sekolah? Apakah tindakan yang diambil dan berapa ramai murid-murid yang telah diambil tindakan? Bagaimanakah langkah-langkah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, satu sudahlah, Tuan Haji Abdul Majid.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi pengetahuan umum sekarang ini kedapatan angka-angka di kementerian yang menunjukkan bilangan murid-murid yang ponteng sekolah. Pokoknya, perkara ini mestilah bermula dengan sikap ibu bapa sendiri. Pada peringkat sekolah memang kita ada langkah-langkah yang diambil, angka-angka dan bilangan tindakan-tindakan yang telah kita ambil pun ada. Tetapi tindakan yang diambil lebih banyak dalam bentuk khidmat nasihat. Kita nasihatkan anak-anak ini, kita juga panggil ibu bapa mereka. Tak cukup kita panggil ibu bapa, cikgu pun kadangkala pergi berjumpa dengan ibu bapa di

rumah-rumah mereka untuk menerangkan pentingnya masalah ini difahami secara bersama-sama dan diambil tindakan bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan, kita boleh ambil macam-macam tindakan sampai buang sekolah murid pun. Soalnya, adakah cara itu boleh mengatasi masalah ini? Kita di kementerian berpendapat cara-cara yang menghukum itu dengan keras bukan merupakan jalan keluar untuk mengatasi masalah-masalah manusia ini. Kita lebih percaya kepada cara menasihati, berjumpa dan memberikan pendedahan akan kesan-kesan. Maknanya, sekiranya murid-murid kita ini ataupun anak-anak ini terus-menerus mengamalkan sikap suka ponteng daripada sekolah.

#### **UJIAN LESEN KENDERAAN BERMOTOR - CIRI-CIRI PENINGKATAN JAMINAN KESELAMATAN**

4. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang selain daripada peraturan dan isyarat jalan raya, soalan ujian bertulis bagi pemohon lesen kenderaan bermotor hendaklah juga merangkumi perkara-perkara berikut di bawah untuk menimbulkan kesedaran dan keinsafan dalam diri mereka tentang tanggungjawab mereka terhadap keselamatan jalan raya, contohnya soalan-soalan tentang penjagaan kenderaan agar ia selamat digunakan di jalan raya; akibat dari segi keselamatan sekiranya ubahsuaian dibuat ke atas kenderaan, jumlah kemalangan jalan raya dan hukuman yang dikenakan kepada yang melanggar peraturan jalan raya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:]** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan mendapati bahawa soalan-soalan ujian bertulis Bahagian I

yang digunakan adalah dianggap memadai, kerana bukan sahaja merangkumi soalan-soalan mengenai peraturan dan isyarat jalan raya, malah ianya juga telah pun meliputi aspek-aspek yang lebih penting bagi melahirkan pemandu yang berdisiplin dan bertanggungjawab, iaitu soalan-soalan yang merangkumi aspek-aspek mengenai pemanduan berhemat.

Pemanduan berhemat adalah seperti pemandu dikehendaki menyempurnakan setiap perjalanan tanpa terlibat dalam kemalangan, tanpa menyalahgunakan kenderaan, tanpa menghilangkan sifat kesopanan di jalan raya, tanpa melewatkan jadual perjalanan dan juga tanpa melakukan kesalahan lalu lintas. Dalam pada itu, sudah pun terdapat aspek-aspek penjagaan kenderaan yang diajar kepada bakal-bakal pemandu sebelum mereka dibenarkan mengambil ujian bertulis.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkisar kepada pengubahsuaian kenderaan. Kita dapati bahawa JPJ kadangkala mengadakan peraturan melarangkan ubahsuai kenderaan - peraturan-peraturan yang sentiasa berubah. Misalnya, dari segi cermin gelap. Ada ketikanya peratus cermin gelap yang ditentukan oleh JPJ dikuatkuasakan pada satu ketika, tetapi dilonggarkan dalam ketika yang lain. Begitu juga dari segi nombor. Ada numbering yang tidak dibenarkan, kadangkala dalam satu ketika yang lain dibenarkan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada

pihak kementerian kenapa perkara ini berlaku yang agak menyusahkan pengguna?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan kementerian, JPJ mengambil tindakan cermin gelap secara constant, tidak ada yang dikecualikan. Dan juga berkaitan dengan - yang kedua tadi, apa soalnya? *[Ketawa]* Penggunaan nombor plate, juga telah dikenakan tindakan kepada mereka yang mengubahsuai tanpa mengikut aspek yang ada. Mungkin agaknya ada yang terlepas. Kalau ada, boleh dilaporkan, kita akan mengarahkan JPJ supaya mengambil tindakan kepada yang berkaitan.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Soalan saya tadi yang awal itu sebagai alternatif, iaitu selain daripada soalan bergambar yang bercirikan dan merangkumi maklumat-maklumat kemalangan maut di jalan raya yang perlu diadakan, kita pun telah dimaklum bahawa pihak Kementerian Pengangkutan berhasrat untuk mengadakan satu peraturan yang mana pemandu-pemandu motosikal itu dikehendaki melawat wad-wad kemalangan di hospital untuk melihat kemalangan-kelamangan yang ngeri yang berada di hospital. Saya hendak tahu di sini bilakah masanya penguatkuasaan itu akan dijalankan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah kaitan dengan soalan asal?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tentang kemalangan ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun dicadangkan sebagai satu rekomendasi semasa 'brainstorming' di Port Dickson dua bulan yang lepas. Kementerian sedang lagi mempertimbangkan untuk mengkaji sama ada penguatkuasaan ini dapat disegerakan ataupun dalam tempoh yang tertentu. Jadi, jawapannya kerajaan masih lagi dalam pertimbangan untuk meminta pelajar-pelajar motosikal pergi melawat wad kecemasan, ataupun wad-wad kemalangan di hospital.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah kementerian yang berkenaan berhubung dengan mencegah daripada lori-lori yang berhenti di tepi jalan, kerana kebanyakan lori-lori yang berhenti di tepi-tepi jalan tidak meletakkan tanda yang khusus yang boleh mencegah daripada ancaman keselamatan? Banyak nyawa yang telah terkorban, kereta yang telah melanggar. Kerana kadang-kadang lori yang di tepi jalan ini meletakkan tanda dahan kayu, tong buruk. Kalau ada tanda pun jauh, kecil. Patut kita minta kementerian ini mengkaji keadaan keselamatan lori di tepi jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak letak tong barulah? [*Ketawa*]

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Bagaimana langkah untuk mencegah lori ini?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, semua kenderaan-kenderaan pengangkutan telah diwajibkan meletakkan papan tanda yang jelas sekiranya kereta ataupun lori mereka rosak di jalan raya. Dan meletakkan kenderaan di tepi jalan memang menyalahi peraturan jalan raya dan pihak polis dan JPJ telah pun diarah, dan memang sedang melakukan tindakan-tindakan pada setiap hari menyaman dan membawa ke mahkamah bagi kes-kes yang berat kepada semua kenderaan-kenderaan ataupun lori-lori yang meletakkan kereta mereka di tepi jalan raya sama ada di jalan raya Persekutuan ataupun di jalan raya PLUS.

Sekiranya masih lagi terdapat lori-lori yang demikian melakukan kesalahan, sekiranya di luar pengetahuan kami di kawasan-kawasan tertentu, kerajaan mengalu-alukan sebarang laporan supaya jalan-jalan berkenaan dapat diminta polis dan JPJ untuk pergi ke tempat berkenaan.

#### **PENSWASTAAN TENAGA DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL - PENGAWASAN**

5. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah kerajaan sedar kecenderungan pengurusan penswastaan berorientasikan keuntungan mengabaikan kepentingan awam, seperti kerap berlaku gangguan elektrik, surat lambat sampai, talian kurang sempurna, lambat memberi perkhidmatan, kesilapan bil, bayaran tinggi berlaku, ketidakadilan dari segi pengambilan pegawai dan pekerja serta pengagihan projek, sedangkan agensi yang berkenaan mengumumkan keuntungan yang sentiasa meningkat.



**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong**

**Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun syarikat-syarikat yang diswastakan ini berorientasikan keuntungan, tetapi mereka disyaratkan untuk tidak mengabaikan tanggungjawab sosial atau social obligation, dengan izin. Setiap syarikat yang diswastakan mempunyai peruntukan khas bagi tujuan tanggungjawab sosial. Di samping itu, semua syarikat tersebut juga dikehendaki memenuhi beberapa piagam pelanggan dan piawai yang setaraf dengan yang terdapat di negara-negara maju.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang dalam proses untuk meningkatkan lagi pencapaian melalui penunjuk-penunjuk prestasi khidmat pelanggan bagi mengurangkan aduan pengguna berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perjalanan syarikat-syarikat tersebut.

Bagi sektor elektrik berdasarkan kepada penswastaaan sebenarnya telah menghasilkan banyak kebaikan dan faedah dan juga peningkatan kualiti perkhidmatan. Di antaranya termasuk:

- (i) keupayaan penjanaan kini berada pada tahap yang lebih selesa.
- (ii) pelaburan yang diperlukan untuk tujuan ini tidak membebankan kepada kerajaan .

Perkara-perkara baru telah pun diperkenalkan seperti:

- (i) tahap-tahap prestasi perkhidmatan;
- (ii) bayaran-bayaran sambungan yang standard;
- (iii) penyelesaian aduan yang lebih saksama; dan
- (iv) perkhidmatan-perkhidmatan baru seperti penggunaan jangka tanpa bil, kerja pada pemasangan hidup dan sebagainya.

Dari segi tarif, harga yang dikenakan perlu mengambil kira kos untuk membekal. Kos-kos telah berubah sejak tarif ditetapkan dalam tahun 1985. Perubahan ini adalah berikutan dari perubahan kos pemasangan dan peralatan, kos pembiayaan, kos bahan api, kos kendali dan sebagainya. Bagi perkhidmatan pos pula, kementerian telah memutuskan piawaian antarabangsa sebagai petunjuk prestasi yang boleh diterima oleh pengguna.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, jika kerajaan sedar tentang kecenderungan pengurusan penswastaan sememangnya diakui banyak didapati gangguan elektrik dan sebagainya, apakah mekanisme kerajaan untuk mengawal selia prestasi agensi-agensi ini agar prestasi mereka itu dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada pengguna? Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kalau dibandingkan dengan masa lampau, sebelum syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi diswastakan ataupun diperbadankan, prestasi syarikat-syarikat yang diswastakan itu telah begitu banyak meningkat kalau dikaji dari segi

efisiensi. Tetapi oleh kerana pada masa sekarang ini kesedaran mengenai hak pengguna seseorang itu telah pun meningkat - ini saya kena ucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, expectation, dengan izin, dari pengguna telah pun meningkat. Maka apa yang saya hendak katakan ialah efisiensi memang telah meningkat kalau dibandingkan dengan masa lampau, tetapi kementerian masih sedar bahawa masih ada kelemahan-kelemahan yang wujud di sini, sana. Kementerian memanglah mengambil berat dan syarikat-syarikat yang diswastakan atau diperbadankan ini dari semasa ke semasa diarah supaya memperbaiki prestasi mereka.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah cara untuk menyelesaikan masalah ini. Saya memaklumkan panggilan-panggilan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hanipah, beri soalan sahaja, jangan beri pandangan, kalau boleh.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya mengemukakan satu dua alasan untuk dikemukakan kepada pihak kementerian yang ada kaitan dengan soalan yang saya akan maklumkan.

Pertama sekali, saya biasa membuat panggilan antarabangsa. Dimaklumkan call back in 10 minutes time. Jadi, saya panggil dalam masa 10 minit - angkat sekali dia kata, perkataan yang sama, tunggu lagi, panggil lagi

10 minit - sebutan yang sama. Kemudian saya mempersoalkan apa sebab ini terjadi? Dimaklumkan, kami tidak cukup kakitangan.

Kedua, saya hantar telegram. Saya hantar jam 9.00 pagi. Bila dihantar, dimaklumkan telegram Yang Berhormat akan sampai besok pagi. Jadi, saya menyoal, mengapa begitu? Dahulunya tidak berlaku sedemikian. Dimaklumkan - dia kata, kami tidak cukup kakitangan kerana bila jam 8.00 pagi pos datang mengumpulkan semua telegram - dia hantar. Besok pagi, posman akan datang mengumpul telegram, kemudian telegram itu akan dapat disampaikan - one day delay. Jadi, saya hendak tahulah sedikit sebab Yang Berhormat tadi memaklumkan ada penyelesaian yang boleh dibuat untuk menentukan sesuatu yang tidak baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalnya, ya?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar juga tentang wujudnya masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Mengenai panggilan antarabangsa, kalau dibandingkan dengan masa dahulu, sekarang volume panggilan antarabangsa ini memang telah meningkat dengan begitu pesat, khususnya pada masa prime-time oleh kerana perniagaan antarabangsa sekarang telah pun kian meningkat dan pihak Telekom Malaysia telah pun diarahkan supaya mencari penyelesaian untuk menyelesaikan perkara ini. Kalau sekiranya perkara ini tidak diselesaikan, pada akhirnya negara juga akan menghadapi kerugian, kerana panggilan antarabangsa ataupun

telekomunikasi sekarang ini adalah merupakan satu perkara ataupun infrastruktur ataupun kemudahan asas yang begitu penting untuk menarik pelaburan dari negara asing. Maka kerajaan memang memandangkan berat perkara ini dan saya berharaplah dengan meningkatkan lagi infrastruktur telekomunikasi, perkara ini dapat diselesaikan.

Tentang delay, dengan izin, dalam penghantaran surat, saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa prestasi Pos Malaysia sekarang telah meningkat dengan begitu banyak. Kalau dibandingkan dengan sebelum dia diperbadankan, efisiensinya adalah cuma lebih kurang 65% sahaja dan sekarang sudah mencapai 85% dan saya diberitahu pagi tadi bahawa pada hujung tahun ini matlamat kita ialah melebihi 90%. Pada keseluruhannya, saya hendak memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa syarikat-syarikat yang diswastakan ini telah pun diarahkan supaya meningkatkan efisiensi mereka.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' T. Marimuthu hendak bertanya?

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Sudah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bersangkutan dengan ketidakadilan dari segi pengambilan pegawai dan pekerja serta pengagihan projek belum lagi diberi penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Belum lengkap jawapannya.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asal. Tuan Haji Abu Bakar baru nampak soalan asal tadi tidak lengkap dalam menjawab soalannya. Jawapannya.

**Dato' Chan Kong Choy:** Ketidakadilan dari segi pengambilan pegawai dan pekerja serta pengagihan projek. Setahu saya perkara ini tidak berlaku, khususnya ketidakadilan dari segi pengambilan pegawai oleh pihak syarikat.

#### **NILAI PAMPASAN TANAH - KAJIAN SEMULA**

**6. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membuat kajian semula nilai pampasan tanah, jika ya:

- (a) adakah nilai pampasan berpandukan Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 masih sesuai atau tidak; dan
- (b) adakah pembayaran pampasan terlalu tinggi akan menjejaskan proses pengambilan tanah.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan**

**Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual Pertama di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 ada menggariskan prinsip-prinsip yang perlu digunakan dalam menentukan jumlah pampasan bagi tanah-tanah yang diambil. Antara prinsip-prinsip ini ialah tarikh penentuan harga pasaran,

perkara-perkara yang perlu diambil kira dan tidak perlu diambil kira dalam menentukan jumlah pampasan.

Ekoran daripada perkembangan-perkembangan yang dialami dalam pasaran harta tanah tempatan seperti pembangunan tanah yang terlalu pesat, spekulasi pasaran dan sebagainya, kerajaan berpendapat beberapa prinsip yang sedang digunakan sebagai panduan di dalam akta ini perlu dikaji semula bagi memastikan jumlah pampasan yang dibayar adalah lebih adil, tepat dan menunjukkan harga pasaran yang sebenar berdasarkan kegunaan semasa harta tanah yang diambil.

- (b) Kerajaan juga sedar bahawa terdapat kes-kes pengambilan tanah yang mana jumlah pampasan yang dibayar adalah lebih tinggi daripada harga pasaran sebenar kerana beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti nilai potensi atau, dengan izin, potential value, dan transaksi yang berlaku akibat daripada spekulasi pasaran dan lain-lain faktor termasuk penambahbaikan, dengan izin, improvement kegunaan tanah.

Sekiranya perkara ini dibiarkan berlarutan, adalah dikhuatiri ianya akan menjejaskan lain-lain projek

pembangunan kerajaan dan melibatkan pengambilan tanah di masa depan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan kerajaan mengambil alih tanah daripada orang awam, bumiputera dan bukan bumiputera adalah berasaskan kepada tujuan untuk hendak menyediakan kemudahan awam dan sebagainya dan berasaskan kepada perkara itu mungkin pampasan yang dibayar berpatutan.

Soalannya ialah berapa keskah di mana pihak kerajaan mengambil alih tanah-tanah daripada orang awam terutama sekali tanah-tanah bumiputera di mana pampasan yang dibayar tidak sebegitu rupa kerana tujuan untuk mengambil alih tanah itu ialah untuk tujuan awam membuat rumah kos rendah dan sebagainya, tetapi setelah diambil alih tanah-tanah itu disalahgunakan, dibuat pembangunan secara komersil? Jadi, berapa banyakkah kes-kes seperti ini telah berlaku dan saya amat tertarik hati dengan pengumuman Dato' Setiausaha Parlimen baru-baru ini bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku tetapi berapa keskah telah berlaku di peringkat negeri dan di peringkat Persekutuan?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tidak ada kes yang terlibat dengan Kerajaan Persekutuan. Tetapi kes-kes yang terlibat dengan kerajaan negeri tidak ada dalam rekod kementerian. Namun demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan



seara detail saya memerlukan notis untuk menyampaikan maklumat yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, secara spontan kalau boleh saya respond, yang nyata kes yang mana dikatakan tanah yang telah diacquire di bawah seksyen 3B iaitu pengambilan tanah untuk matlamat ekonomi, di antaranya yang kita tahu ialah di Kedah di mana projek ‘udang harimau Kerpan’, di Melaka, projek perumahan, padang golf dan lain-lain dan perdagangan oleh SPPK dan yang ketiganya, di Negeri Sembilan iaitu satu projek peranganin di Sri Rusa. Yang ketara tiga projek itulah yang ada di dalam rekod kita. Ada juga lagi yang lain tetapi saya memerlukan notis untuk menyampaikan kepada Ahli Yang Berhormat secara sepenuhnya.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya diperlu menghantar notis?

**Tuan Yan gdi-Pertua:** Ya, jadi, notis diberi ya.

*[Soalan No. 7, Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput]*

**Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 7.

#### **HAKISAN TEBING LAUT - PUNCA**

7. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan punca-punca hakisan tebing laut seluruh negara dan berapakah kos pemulihannya.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, hakisan pantai/tebing laut berlaku berikutan dari proses semulajadi pukulan ombak besar yang kencang yang dicetuskan oleh ombak besar tersebut akan mengorek atau membawa keluar bahan-bahan kelodak serta pasir dan menyebabkan kejadian hakisan pantai atau tebing laut.

Di samping itu, beberapa masalah hakisan pantai di negara ini telah berlaku akibat dari aktiviti-aktiviti manusia sendiri yang termasuk antara lainnya:-

- (i) aktiviti/pembangunan di kawasan pesisir pantai yang tidak dirancang atau dikawal seperti pembersihan hutan bakau untuk aktiviti akuakultur, penebangan pokok bakau yang tidak dikawal dan pembinaan bangunan-bangunan seperti hotel dan sebagainya yang terlalu dekat dengan pantai;
- (ii) aktiviti/pembangunan umpamanya pembinaan pelabuhan, jeti dan kerja-kerja pengorekan laluan pelayaran yang mengganggu proses daya-daya semulajadi (natural forces) di pesisiran pantai seperti ombak, arus, pergerakan sedimen; dan
- (iii) aktiviti/pembangunan di kawasan tadahan seperti pembinaan empangan dan pengambilan pasir dari sungai

menyebabkan kuantiti sedimen yang dibawa dari sungai ke pantai berkurangan.

Kos masa kini bagi melindungi kawasan-kawasan pantai yang dikenal pasti mengalami hakisan yang kritikal dianggarkan sebanyak RM400 juta iaitu sepanjang 226 kilometer di 72 kawasan di seluruh negara kita.

### **BEKAS KONSTABLE - PERUBATAN PERCUMA**

8. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau boleh mempertimbangkan satu undang-undang untuk menyediakan perkhidmatan perubatan percuma kepada bekas-bekas konstable yang berjumlah lebih kurang 55,000 sebagai membalas jasa mereka kerana telah memberi khidmat dengan penuh taat setia kepada negara semasa berada di dalam tempoh darurat dahulu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menimbang cadangan untuk melanjutkan pemberian pengecualian bayaran rawatan di hospital-hospital kerajaan kepada bekas-bekas anggota keselamatan yang pernah berkhidmat semasa darurat di antara tahun 1948 hingga 1960.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada perangkaan yang terdapat di Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman, jumlah kasar bekas-bekas Jungle Squad, dengan izin, Special Constable dan Homeguard yang masih hidup adalah hanya lebih kurang 5,000 orang sahaja.

### **HIDROELEKTRIK BAKUN - PERKEMBANGAN**

9. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada projek Empangan Hidroelektrik Bakun yang bernilai RM15 bilion boleh dijalankan seperti dirancang atau jika tidak nyatakan

sebab-sebab yang menghalangnya sama ada bantahan dari NGO-NGO yang meyakini projek ini akan membawa keuntungan kepada EKCRAN sahaja tetapi merugikan rakyat sekiranya dan juga merosakkan alam sekitar.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Hidroelektrik Bakun yang bernilai RM15 bilion akan dilancarkan mengikut jadual dan dijangka siap pada tahun 2003. Kelewatan pelaksanaan dan penyiapannya akan membawa kerugian kepada kedua-dua pihak, pemaju dan juga pihak kerajaan.

Keperluan tenaga elektrik yang kian meningkat dengan terlancarnya program perindustrian dan pembangunan negara menyegerakan lagi pelaksanaan projek tersebut.

Keadaan ekonomi negara yang sangat menggalakkan memungkinan lagi projek ini dilancarkan.

Kerajaan amat prihatin terhadap usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar yang terlibat dalam projek ini. Pihak pemaju dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan melalui laporan kajian kesan alam sekitar iaitu EIA.

Selain dari itu, satu rancangan bagi menyelamatkan spesies flora dan fauna yang dilindungi sepenuhnya akan dijalankan.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah kerajaan akan menetapkan harga jualan elektrik yang akan dikeluarkan oleh Projek Bakun dan adakah kerajaan akan memberi jaminan bahawa harganya tidak membebankan rakyat?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, perundingan mengenai harga jualan elektrik yang dikeluarkan oleh Projek Bakun masih berterusan di antara pihak pemaju iaitu EKTRAN dengan pihak TNB. Kerajaan mengambil berat tentang perkara ini dan sekiranya perlu kerajaan akan campur tangan, tetapi setakat ini nampaknya perundingan masih dijalankan dengan begitu lancar.

Pendirian kerajaan dalam perkara ini ialah sebelum pihak yang tertentu mengambil satu keputusan yang muktamad mengenai harga jualan, kepentingan semua pihak iaitu pemaju dan pihak TNB khususnya pihak rakyat mesti diberikan perhatian yang serius.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian, memandangkan ada pandangan NGOs mengatakan bahawa orang-orang tempatan akan rugi, adakah kerajaan bercadang untuk mengagih-agihkan saham dari pemaju ataupun saham-saham untuk orang-orang tempatan supaya menentukan orang tempatan tidak rugi dan seterusnya menutup mulut NGOs?

*[Ketawa]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, semasa kita melakukan ataupun menjalankan Projek Bakun, kepentingan orang tempatan khususnya mereka yang terlibat akan diambil kira dan tidak akan merugikan sesiapa pun. Dalam perkara ini, satu program penempatan semula penduduk yang terlibat

sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak yang sangat mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara ini.

Kerajaan juga akan menentukan penduduk yang terlibat mendapat pampasan sewajarnya, berdasarkan sebarang amalan dan perundingan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, cadangan untuk mengagihkan atau memberikan saham Projek Bakun ini kepada orang tempatan, pihak kerajaan belum ada keputusan, tetapi pihak kerajaan melalui kementerian saya akan mencadangkan kepada pihak EKTRAN supaya memberikan pertimbangan kepada cadangan ini.

Berkenaan dengan NGO, mereka tutup mulut ataupun buka mulut, kita memang ada rancangan kita sendiri sebagai satu negara yang sudah merdeka sepanjang hampir 40 tahun. Segala pandangan yang baik, kita akan terima tetapi pandangan ataupun suara dibuat oleh NGO dengan motif politik, kita akan ketepikan. Sekian, terima kasih.

#### **ALAT PENGESAN HAD KELAJUAN - PENGUATKUASAAN**

10. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kedudukan mengenai cadangan untuk memasang alat pengesan had kelajuan untuk kenderaan-kenderaan berat, seperti trela, lori, bas ekspres dan lain-lain jentera yang besar dan mengapa cadangan ini tidak dikuatkuasakan.

#### **Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum lagi mensyaratkan kenderaan berat dipasang dengan alat yang merakam kelajuan sesebuah kenderaan. Ini adalah kerana kerajaan

akan menguji terlebih dahulu sejauh manakah keberkesanan alat berkenaan dalam fungsi-fungsi yang ditetapkan seperti merekod dan menghadkan kelajuan sebelum membuat keputusan terhadap pelaksanaannya. Ujian ini akan dibuat dengan menggunakan kenderaan yang dimiliki oleh kerajaan terlebih dahulu. Buat permulaan, 10,000 buah kenderaan kerajaan akan dipasang alat ini mulai bulan Julai 1996 dan dijangka siap pada akhir Julai 1997.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Ng Yen Yen.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan saya ini ada sedikit kesilapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dr. Ng Yen Yen:** Boleh jadi recordingnya yang silap. Soalan saya ialah adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedar bahawa wujud kelemahan HAWA yang di bawah kementerian beliau dan apakah cadangan yang kementerian ada untuk memajukan dan menguatkan organisasi ini.

#### **HAWA - MEMPERBAIKI KELEMAHAN**

11. **Dr. Ng Yen Yen** minta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada sedar bahawa wujud kelemahan HAWA yang di bawah kementerian beliau dan apakah cadangan yang kementerian ada untuk memajukan dan menguatkan organisasi ini.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua,

kementerian memang sedar iaitu HAWA pada masa lalu ialah sebagai pengawasan sahaja. Jadi, oleh kerana itu, cadangan kementerian sekarang sedang dibuat supaya HAWA dapat menjadi satu jabatan yang telah menjalankan tugas pelaksanaan.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada HAWA di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri-negeri. Soalan saya, Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri-negeri diberi geran pada tahun pertama sebanyak RM500 untuk mengendalikan persatuan dan pertubuhan wanita yang ada di dalam negeri. Sekarang ini geran meningkat kepada RM8,000. Apakah kementerian berpendapat bahawa peruntukan yang diberi sebanyak RM8,000 memadai untuk HAWA mengendalikan persatuan-persatuan wanita, NGOs yang ada di peringkat negeri-negeri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan juga untuk mencapai hasrat pembangunan wanita di peringkat negeri-negeri? Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya cadangan kementerian akan melaksanakan iaitu HAWA jadi jabatan dan sekiranya dibenar oleh kerajaan tentu sekali segala perbelanjaan pun meningkat dan segala aktiviti-aktiviti HAWA pun meningkat.



**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Soalan saya ialah bagaimanakah pihak kementerian bercadang untuk HAWA dapat menjadi pelaksana program-program untuk membangunkan wanita? Yang saya tahu, sepertimana yang dikatakan tadi bahawa HAWA masih lagi tidak mempunyai jentera yang kukuh dan mempunyai kakitangan yang mencukupi. Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom akan Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya cadangan kementerian diterima oleh kerajaan iaitu pertama sekali sekarang HAWA diketuai oleh Pengarah, sekiranya jadi jabatan tentu kedudukannya jadi Ketua Pengarah dan lain-lain jawatan pun tentu dibuat mengikut kesesuaian yang patut.

### **LEBUH RAYA - JALAN ALTERNATIF TANPA TOL**

12. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau boleh memberi jaminan bahawa dalam keghairahan untuk menswastakan pembinaan lebuhraya, rakyat semestinya diberi pilihan jalan alternatif yang tidak perlu bayar tol.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat supaya rakyat semestinya diberi pilihan jalan alternatif yang tidak perlu bayar tol, buat masa ini bagi kebanyakan lebuhraya yang diswastakan, keperluan jalan alternatif telah diambil kira sewajarnya. Oleh itu, saranan Ahli Yang Berhormat sememangnya telah pun dilaksanakan oleh kerajaan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengecualikan

pembayaran tol sekiranya jalan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai itu sedang diselenggarakan, berertinya ia tidak memuaskan dari segi position highway, secara highwaylah tetapi ia menjadi terlalu sempit, banyak penyelenggaraan. Saya beri contoh dari Kuala Lumpur ke Karak, kita bayar tol dua kali iaitu sebelum ke Genting dan selepas Genting, tetapi jalannya sekarang ini merupakan jalan yang paling tirus dan hendak lalu pun terlalu susah, jadi apa ertinya pembayaran tol dalam keadaan sedemikian. Adakah pihak kerajaan memasukkan formula di dalam perjanjian sekiranya jalan itu tertakluk kepada pengawasan perkhidmatan dan pembaikpulih, tidak perlu bayar tol?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pengalaman Dato' Aziz yang baru-baru ini ke, pengalaman lama tu? Ya, sila.

**Tuan Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, saya kira tidak ada di dalam perjanjian. Bagaimanapun apa yang disuarakan itu akan diambil kira jika sekiranya Yang Berhormat Dato' dapat membuat satu cadangan bertulis. Terima kasih.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang pilihan jalan alternatif yang tidak perlu bayar tol daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu sebenarnya jikalau kita ada jalan yang mana rakyat yang menggunakannya perlu membayar tol, dan kalau kerajaan memberi alternatif, adakah alternatif itu alternatif yang sebenarnya iaitu boleh digunakan oleh pengguna jalan raya tanpa jalan yang

dibuat sebagai jalan alternatif itu merupakan jalan yang mungkin melalui kawasan perumahan dan sebagainya, maksudnya ia hanya merupakan jalan alternatif kerajaan yang melepaskan batuk di tangga? Terima kasih.

**Tuan Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sebelum adanya lebuh raya yang diswastakan, memang sudah ada jalan-jalan raya yang menghubungi semenanjung dari Perlis sampai ke Johor. Jadi, dengan wujudnya lebuh raya, ia membolehkan perjalanan yang lebih cepat. Jadi, kalaulah pengguna ingin menggunakan jalan yang lama yang memakan masa yang lama, boleh juga tanpa membayar tol. Itu sudah pun disediakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini orang lama yang lama kita tak nampak. Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil soalan ini, terlebih dahulu saya mohon keizinan untuk membuat pembetulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Ayat-ayat selepas perkataan “Pekan Semporna” pada baris ketiga adalah seperti berikut ini, “supaya kehadiran tentera itu di situ dapat membanteras kegiatan jenayah, terutamanya serangan lanun yang sering berlaku sejak kebelakangan ini”. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

**Tuan Yang di-Pertua:** “Membanteras” ya?

**Datuk Maidom P. Pansai:** Ya.

### **PUSAT LATIHAN TENTERA DI KOTA BELUD - CADANGAN MEMINDAHKAN**

**13. Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk memindahkan Pusat Latihan Tentera di kawasan Sorob, Kota Belud ke kawasan Pekan Semporna, supaya kehadiran tentera itu di situ dapat membanteras kegiatan jenayah, terutamanya serangan lanun yang sering berlaku sejak kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tidak ada cadangan untuk memindahkan Pusat Latihan Tentera Darat di kawasan Kota Belud ke Semporna untuk membanteras kegiatan jenayah di Semporna.

Walau bagaimanapun, pihak Tentera Darat akan menempatkan anggota-anggota Tentera Darat bagi tujuan menjamin keselamatan di kawasan tersebut dari masa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya salah sebut "Tuan". Sebenarnya "Datuk Maidom P. Pansai."

### **KEMPEN INFLASI SIFAR - PENCAPAIAN MATLAMAT**

**14. Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapa ramaikah peniaga-peniaga yang disaman sejak program inflasi sifar dilancarkan; dan
- (b) apakah kesalahan mereka yang disaman dan apakah program inflasi sifar itu telah mencapai matlamat kerajaan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi tempoh sejak Kempen Inflasi Sifar dilancarkan pada 2 Jun 1995 sehingga 17 Mei 1996, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil 6,150 tindakan terhadap peniaga-peniaga kerana pelbagai kesalahan di bawah akta-akta yang dikuatkuasakan.

Dari 6,150 kes yang diambil tindakan, pecahan kesalahan mengikut akta adalah seperti berikut:

- (i) Akta Kawalan Harga 1946 sebanyak 1,999 kes;
  - (ii) Akta Kawalan Bekalan 1961 sebanyak 323 kes;
  - (iii) Akta Sewa Beli 1967 sebanyak 114 kes;
  - (iv) Akta Perihal Dagangan 1972 sebanyak 1,059kes;
  - (v) Akta Timbang dan Sukat 1972 sebanyak 2,109 kes;
  - (vi) Akta Hakcipta 1987 sebanyak 521 kes; dan
  - (vii) Akta Jualan Langsung 1993 sebanyak 25 kes.
- (b) Kesalahan-kesalahan ini merangkumi kegagalan mempamerkan tanda harga pada barang-barang, enggan menjual barang kawalan, penyelewengan dalam urusan sewa beli, membekal atau menawar

untuk membekal barang-barang tiruan, penyelewengan dalam timbangan dan sukatan, menjalankan aktiviti cetak rompak dan penyelewengan dalam jualan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Inflasi Sifar telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kempen ini adalah kesinambungan kepada kempen bersama membanteras inflasi yang telah dilancarkan dahulunya. Kempen ini merupakan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai. Ianya juga tertumpu kepada 75 jenis barangan dan perkhidmatan asas yang biasanya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah iaitu RM1500 ke bawah sebulan.

Sesungguhnya kempen ini telah mencapai matlamat kerana telah berjaya mewujudkan tahap kesedaran yang tinggi tentang inflasi di kalangan masyarakat di negara ini yang merupakan asas bagi menangani inflasi dengan inflasi sifar sebagai sasaran. Pendapat ini adalah hasil daripada satu kajian penilaian

yang telah dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada kes-kes ini, berapakah repeat case, dengan izin. Yang kedua ialah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu sahaja.

**Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 6,150 kes seperti mana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kini kementerian tidak ada menyimpan rekod sama ada kes yang telah dilakukan pada masa-masa yang sudah atau repeat cases, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu, kementerian memerlukan notis bagi menjawab.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam banyak-banyak kes, seperti yang disebutkan tadi sebanyak 6,150 kes, tetapi kementerian tidak menyebut tentang hukuman halal haram kepada mereka yang melakukan kesilapan. Siapakah yang menentukan tanda halal haram?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, hukuman halal haram ini adalah termasuk di dalam Akta Perihal Dagangan 1972 yang mana ada sebanyak 1,059 kes, tetapi tidak ada pecahan dari segi berapa banyakkah yang melibatkan masalah berkaitan dengan halal haram.

Dari segi kuatkuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan, ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Pusat Islam serta Majlis Hal Ehwal Islam di negeri-negeri. Kedua-dua agensi ini adalah bertanggungjawab bersama dalam perkara ini.

### **PERKAMPUNGAN NELAYAN - PELAKSANAAN**

**15. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa banyak perkampungan nelayan yang telah dilaksanakan dan adakah nelayan dalam kawasan tertentu mendapat pendapatan lebih tinggi daripada nelayan dalam kawasan umum dan jika ada perbezaan, berapa peratus perbezaan pendapatan mereka; dan
- (b) berapa tempat lagi akan dibina kawasan perkampungan nelayan dalam negara ini dan sebutkan tempat-tempat yang akan dibina ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin**

**Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pertanian, melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan 9 perkampungan nelayan dan penempatan semula nelayan dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Bilangan dan lokasi kampung-kampung tersebut adalah seperti berikut:-



- (i) Kampung Sungai Chenaam, Seberang Prai  
Pulau Pinang;
- (ii) Penyabong, Mersing, Johor;
- (iii) Sungai Limau, Yan, Kedah;
- (iv) Tanjung Dawai, Kedah;
- (v) Paka, Terengganu;
- (vi) Pulau Redang, Terengganu;
- (vii) Kuala Gula, Perak;
- (viii) Tanjung Balau, Pengerang, Johor; dan
- (xi) Dungun, Terengganu.

Sebahagian besar daripada Program-program Pembangunan Kampung Nelayan adalah untuk menyusun semula perkampungan nelayan dengan menyediakan kemudahan asas yang teratur seperti rumah, bekalan air, elektrik dan jalan dengan tujuan supaya nelayan dapat menikmati suasana kehidupan yang lebih baik.

Peserta atau nelayan berkenaan boleh terus menjalankan aktiviti harian mereka sebagai nelayan atau menternak ikan sebagai punca pendapatan utama mereka. Di samping menyediakan kemudahan asas, di sebahagian dari kampung tersebut telah dilaksanakan

beberapa projek ekonomi seperti projek akuakultur, pemprosesan ikan serta lain-lain aktiviti mengikut potensi ekonomi yang sedia ada. Kebanyakan aktiviti sampingan ini diusahakan oleh anak dan isteri nelayan berkenaan untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, belum ada lagi data atau maklumat yang tepat yang menunjukkan perubahan taraf hidup nelayan berkenaan. Gambaran sebenar mengenai pendapatan nelayan yang menyertai projek penempatan semula nelayan akan hanya dapat diketahui setelah kerja-kerja banci sosio ekonomi nelayan yang sedang dijalankan oleh LKIM sekarang disiapkan pada penghujung tahun ini.

- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kerajaan telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan satu lagi projek perkampungan nelayan baru iaitu di Bunut Redang, Pahang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 29 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

**(PINDAAN) 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [23hb. Mei, 1996]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ding Seling.

**3.40 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyatakan sokongan atas suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya ingin merujuk secara khas dan terperinci kepada akta ini iaitu pada muka surat 2, seksyen 3(A). Di dalam seksyen ini Tuan Yang di-Pertua, dinyatakan bahawa seseorang majikan dalam industri pengilangan diberi pilihan. Istilahnya "diberi pilihan, memilih untuk didaftarkan dengan Majlis." Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kenapakah mereka diberi pilihan dan bukan dimestikan? Walaupun akta ini mungkin diluluskan oleh kita dalam beberapa tahun yang lalu, tidak lama dulu tetapi saya kurang arif kenapakah kita memerlukan mereka membuat pilihan? Persoalan saya adalah oleh kerana di dalam subseksyen yang seterusnya, industri pengilangan diperlukan untuk membayar levi dan apabila gagal untuk menempatkan pembayaran levi tadi, yang gagal tadi dikenakan denda pula atau penalty, dengan izin. Maka, kedua-dua perkara ini Tuan Yang di-Pertua saya rasa adalah kurang sesuai dan akan discourage, dengan izin,

seseorang pengilang untuk mendaftar diri dengan Majlis. Keadaan begini saya rasa bukanlah tujuan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 ini.

Seterusnya bagi perkara yang lebih terperinci lagi, sekiranya kita lihat dari segi arithmetiknya, bahawa sekiranya seseorang pengilang tadi tidak membayar levinya yang tertentu, maka diberi ganjaran untuk diperlukan membayar faedah 10%. Nampaknya faedah ini pun agak tinggi dan mungkin menyebabkan pengilang-pengilang tidak mahu langsung untuk mendaftar diri dengan Majlis dan sekiranya kita lihat dari segi arithmetik pula, yang 5% dibayar daripada upah pekerja tersebut dalam mana-mana bulan. Ini pun jadi satu amaun yang agak tinggi. Kalaulah ada 49 pekerja dan sekiranya purata gaji mereka adalah RM500, kita dapat di dalam satu tahun lebih kurang RM15,000. Jadi dalam pada itu saya rasa kalaulah seorang pengilang tadi adalah orang baru sahaja menjadi seorang entrepreneur, maka perkara ini akan menghalang dia untuk melakukan tugasnya ataupun mencapai cita-citanya sebagai seorang entrepreneur melainkan Tuan Yang di-Pertua, seorang entrepreneur yang telah lama dan mempunyai punca-punca kewangan yang begitu kukuh.

Saya mengemukakan persoalan begini kepada pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai pihak mungkin bumiputera dari luar bandar yang mungkin bercita-cita untuk menjadi pengilang, jadi perkara yang seperti

ini mungkin menyebabkan mereka kurang minat untuk melakukan tugas ataupun menyertai perkara itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi komen secara langsung mengenai Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 walaupun perkara ini saya rasa tidaklah berhubungan dengan terperinci kepada akta ini tetapi saya ingin sebutkan di sini oleh kerana ada kaitannya dari segi amnya. Iaitu dari segi amalan-amalan di tempat-tempat awam (public places) di negara kita ini. Apabila kita lihat tujuan kerajaan untuk membangunkan sumber-sumber manusia, kita memikirkan bahawa pembangunan itu bukanlah dari segi kebolehan bekerja sahaja. Kita memikirkan juga dari segi pelbagai aspek yang lain iaitu nilai-nilai kerohanian, nilai-nilai dari segi tanggungjawab mereka dan juga dari segi rasa kerohanian, rasa kemanusiaan mereka adalah begitu tinggi; iaitu dari segi kesihatan yang menyeluruh. Mereka haruslah sihat sepanjang umur mereka supaya mereka boleh melakukan tugas-tugas seharian.

Saya ingin sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, mengenai amalan public places seperti yang saya sebutkan tadi. Beberapa kali saya dengan anak dan isteri misalnya pergi ke tempat seperti shopping places dan kita dengar ada muzik yang dimainkan dan apabila kita mendengar dengan lebih teliti lagi, apakah muzik itu, ada muzik yang menggunakan perkataan-perkataan yang orang Inggeris kata 'four letter word.' Misalnya ada yang sebutkan perkara itu berkali-kali dan tempo muziknya itu adalah bentuk-bentuk yang boleh kita

katakan dari segi psikologinya yang menyebabkan kita tidak tenteram kalau kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana 'four letter word' itu jadi tidak tenteram?

**Tuan Ding Seling:** Apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana 'four letter word' itu Yang Berhormat Tuan Ding Seling jadi tidak tenteram.

**Tuan Ding Seling:** Ya Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya sahaja. Maksud saya dari segi keseluruhannya. Terutama sekali dari segi tempo muzik itu. Muzik ini memang banyak rentaknya. Kalau kita tanya mereka yang pakar dalam aspek ini, kita tahu bahawa ada muzik-muzik kalau didengar dengan selalunya, keadaan dalaman kita atau psikologi kita tidaklah begitu tenteram. Kalau pula didengar muzik-muzik yang soothing kata Orang Putih dan kalau kita mempunyai kecenderungan untuk mendengar muzik seperti itu dan apabila kita study bagi pelajar-pelajar, maka keadaan yang tenteram seperti itu tadi akan memberi mereka galakan untuk belajar lebih berkesan. Di sebaliknya kalaulah mereka cenderung mendengar muzik yang begitu cara tadi, yang menyebabkan fikiran mereka tidak terkawal tetapi fikiran mereka seperti yang saya cuba gambarkan tadi tidak tenteram, maka dari segi kesihatan sosial mereka, dari segi kesihatan psikologi mereka, maka mereka bukanlah begitu sihat. Setengah sihat mungkin. Walaupun mereka boleh bekerja atau mereka boleh melakukan tugas mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak boleh dipertikaikan sebab Yang Berhormat Tuan Ding Seling pun seorang yang tahu mengenai educational psychology bukan?

**Tuan Ding Seling:** Ada sedikit-sedikit Tuan Yang di-Pertua. Itulah sebabnya saya ingin berkongsi di sini walaupun saya tahu bahawa lebih ramai orang yang lebih pakar dalam aspek ini, tetapi oleh kerana saya telah melihat ataupun mendengar perkara-perkara ini di tempat-tempat awam (public places) seperti yang saya sebut tadi. Kalau perkara ini selalu digunakan ataupun diamalkan, maka apa yang kita hendak buat dalam tempat-tempat seperti di sekolah atau di tempat-tempat di mana kita melatih orang-orang kita, mungkin perkara itu hanya dirosakkan begitu sahaja. Samalah seperti satu tempayan air yang bersih, jatuhlah setitik kekotoran atau racun, maka air setempayan itu pun sudah rosak. Inilah maksud saya Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sendiri seperti Tuan Yang di-Pertua katakan tadi begitu minat dengan pembangunan manusia dan saya ingin cadangkan supaya pihak kerajaan melihat perkara pembangunan manusia ini bukanlah dari segi membangunkan kebolehan mereka untuk melakukan pekerjaan mereka sahaja tetapi juga dari kesihatan mereka, psikologi dan sebagainya supaya kita kuranglah dengar perkara-perkara pergaduhan di rumah, kuranglah kita dengar dari segi pihak wanita yang mengatakan mereka tidak mahu dimaki oleh pihak lelaki dan sebagainya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa saya menyokong pemindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**3.50 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam menyokong cadangan untuk meminda suatu Akta iaitu Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pada pandangan saya pindaan yang dicadangkan ini adalah amat sesuai sekali memandangkan di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh, di antara strategi di bawah pembangunan sumber manusia iaitu:

- (a) Mengatasi keadaan kekurangan buruh; meningkatkan tahap intensif modal; menambahkan penawaran buruh tempatan; mewujudkan skim upah berasaskan produktiviti.
- (b) Memperkukuhkan asas Pembangunan Sumber Manusia (PSM) iaitu dengan meningkatkan produktiviti melalui latihan dan latihan semula; memperbaiki sistem pendidikan dan penyampaian latihan; menambahkan kemudahan pendidikan dan latihan; menggalakkan lagi penyertaan sektor swasta



dalam PSM dan meningkatkan kesedaran masyarakat dan individu terhadap kepentingan pekerjaan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibuat ini adalah kena pada tempatnya dan pengenaan faedah kepada syarikat-syarikat yang telah ditetapkan yang mana tertunggak bayaran levinya adalah munasabah sebab kalau mengikut di sini 10% sahaja setahun dan bermakna sebulan 1% di atas tunggakan bukan keseluruhan. Ini adalah adil memandangkan kerajaan telah menubuhkan satu tabung kewangan untuk memberi manfaat balik kepada syarikat-syarikat ini.

Kita perlu faham dengan pindaan-pindaan ini yang berkaitan dengannya, pihak syarikat yang mendaftar dengan Majlis akan mendapat manfaat untuk menggunakan semula tabung itu. Cuma kita harap pihak kementerian dapat memastikan supaya syarikat-syarikat ini tidak menyalahgunakan tabung ini demi untuk kepentingan dan keuntungan syarikat mereka sahaja, sedangkan pekerja-pekerja itu akan hanya menjadi pekerja yang bekerja untuk kepentingan syarikat. Syarikat-syarikat ini hendaklah dipastikan memberikan perhatian terhadap kepentingan kebajikan dan sosial pekerja-pekerja, misalnya dari segi kemudahan tempat tinggal, dari segi kesihatan keluarga tenaga kerja dan dari segi ilmu pengetahuan, dari segi insentif, di mana kita dapat tahu pekerja-pekerja yang terlibat dengan pihak institusi kewangan dan juga syarikat-syarikat lain dapat bonus tahunan sebanyak 2 bulan atau 3 bulan.

Kita juga mahu supaya pihak kementerian memastikan syarikat-syarikat ini selain daripada membuat keuntungan dan mendapat insentif pengecualian cukai pada pihak kerajaan selama 5 tahun dan sebagainya, juga memberi insentif kepada pekerja-pekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ialah baru-baru ini Kementerian Pembangunan Usahawan telah mengumumkan iaitu pihak mereka akan mewujudkan satu badan yang dinamakan 'Badan Piawai', untuk menentukan kurikulum dan juga jenis-jenis latihan yang perlu dan pihak kementerian ini memanglah sekarang ini bertanggungjawab kepada IKM, Giat MARA dan juga pelbagai institut latihan lagi. Saya harap di bawah pindaan Akta ini ianya tidak bercanggah dengan latihan-latihan yang dijalankan oleh badan-badan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan tadi.

Di sini saya harap pihak kerajaan juga akan mencari jalan supaya wang daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini juga dapat disalurkan ataupun pekerja-pekerja ini dapat diagihkan kepada institusi-institusi yang sedia ada, dengan diberi subsidi kepada badan-badan ini seperti Giat MARA dan juga sekolah-sekolah vokasional yang telah naik taraf kepada Sekolah Teknik, juga boleh dijadikan sebagai tempat untuk melatih semula pekerja-pekerja ini. Sebab kalau kita biarkan kepada pihak syarikat-syarikat ini menjalankan latihan semula, kemungkinan mereka ini tidak memberi perhatian

kepada keperluan negara adalah besar sekali. Mereka hanya akan memberi perhatian kepada kepentingan syarikat mereka sahaja. Oleh sebab itu, pihak Kementerian Sumber Manusia perlu mempunyai badan pengawas.

Saya masih samar-samar sama ada Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini mampu dari segi mengawasi dan juga memastikan pelaksanaan pindaan akta ini dapat berjalan dengan berkesan dan mendapat manfaat kepada pekerja, juga negara pada umumnya. Dengan ini saya sekali lagi menyokong pindaan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**3.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberi.

Pertamanya, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba telah mencadangkan supaya kerajaan memikirkan dan mengambil kira firma-firma yang mempunyai pekerja kurang daripada 10 orang yang mengamalkan intensif modal diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Suka saya menyatakan bahawa majikan-majikan yang mempunyai pekerja kurang dari 10 orang adalah merupakan syarikat kecil dan operasi syarikat mereka adalah berasaskan intensif buruh.

Pada masa ini syarikat-syarikat kecil ini tidak diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia kerana dikhuatiri mereka membuat caruman levi, tetapi tidak akan menggunakannya. Dalam keadaan pasaran buruh yang ketat yang dialami pada masa ini, majikan-majikan ini sudah tentu tidak dapat melepaskan pekerja mereka mengikuti latihan, kerana mereka lebih memberi keutamaan untuk memenuhi permintaan pelanggan-pelanggannya. Sungguhpun demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat adalah baik dan boleh dipertimbangkan apabila operasi syarikat-syarikat kecil ini beralih kepada aktiviti pengeluaran berintensifkan modal.

Satu lagi sebabnya kita tidak mahu membebankan syarikat-syarikat kecil ini dengan pembayaran wang yang berlebihan, sedangkan mungkin mereka tidak akan menggunakan wang tersebut.

Beliau juga telah mencadangkan supaya kerajaan memikirkan untuk melatih pekerja-pekerja di luar bandar seperti penoreh getah dan petani supaya mereka boleh bekerja di sebelah petang di kilang-kilang berdekatan. Sukacita saya menyatakan bahawa seksyen 6, Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 hanya memperuntukkan majikan-majikan layak mendapat geran latihan, apabila melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka. Latihan kepada orang awam yang bukan terdiri daripada pekerja, majikan tidak berkelayakan mendapat geran latihan. Walau bagaimanapun, sekiranya penoreh getah dan petani dilantik dan dipilih oleh majikan sebagai pekerja

mereka sama ada secara separuh masa atau sambilan dan dilatih dalam bidang kemahiran tertentu yang bersesuaian dengan operasi syarikat, maka majikan adalah layak mendapat geran latihan daripada majlis untuk membiayai kos latihan yang terlibat.

Beliau juga mencadangkan supaya Majlis Pembangunan Sumber Manusia membuat rancangan sumber manusia yang menyeluruh supaya semua rakyat di negara ini termasuk lepasan sekolah dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

Objektif penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia adalah untuk menggalakkan majikan-majikan supaya lebih aktif dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka supaya dapat meningkatkan kualiti, produktiviti, berdaya saing dan berdaya maju. Dengan kata lain, penwujudan Kumpulan Wang ini adalah untuk membantu majikan mencapai objektif perniagaan mereka dengan berkesan lagi. Berdasarkan hakikat ini adalah wajar majikan sendiri yang menentukan bidang-bidang kemahiran dan tahap latihan yang diperlukan bersesuaian dengan pelan perniagaan mereka.

Sungguhpun demikian, dalam membantu majikan melatih tenaga pekerja dengan lebih berkesan, Majlis Pembangunan Sumber Manusia dengan kerjasama Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia akan menjalankan kajian untuk mengenal pasti bidang-bidang kemahiran utama yang diperlukan oleh majikan, sektor pengilangan khususnya majikan kecil dan sederhana. Perkara ini telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim. Hasil daripada kajian ini satu skim latihan baru dengan kadar bantuan kewangan yang lebih tinggi akan diwujudkan. Adalah diharapkan dengan

usaha ini pekerja-pekerja perusahaan kecil dan sederhana dapat dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dan mempunyai pengetahuan yang diperlukan.

Mengenai latihan kepada lepasan sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat, ini adalah pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim, Jabatan Tenaga Rakyat di bawah kementerian ini akan membina 10 buah lagi institut latihan perindustrian baru untuk melatih mereka dalam bidang kemahiran perindustrian dan teknologi tinggi dalam RMK-7. Apabila siapnya 10 buah institut latihan perindustrian baru ini akan menjadi 20 buah institut latihan perindustrian yang ditadbirkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Mengenai 10 institut latihan perindustrian yang ada sekarang ini, maka kapasiti latihannya akan dipertingkatkan juga. Di samping Kementerian Sumber Manusia, agensi-agensi kerajaan yang lain seperti MARA, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan juga akan menyediakan latihan-latihan kepada lepasan sekolah. Sebagai usaha menambah peluang lepasan sekolah mendapat latihan dalam bidang-bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri, Majlis Pembangunan Sumber Manusia akan melaksanakan skim perantisan pada pertengahan tahun 1996 ini.

Di bawah skim perantisan ini, majikan-majikan akan melantik lepasan sekolah sebagai perantisan dan dilatih dalam bidang-bidang kemahiran tertentu yang diluluskan oleh Majlis. Yuran akan dibiayai oleh Majlis, manakala majikan akan membayar elaun bulanan perantis dan bahan latihan guna habis. Tempoh latihan adalah kira-kira satu setengah tahun. Perantis akan mengambil peperiksaan sehingga ke peringkat Sijil Kemahiran Malaysia tahap kedua.

Industri yang telah dikenal pasti untuk melaksanakan skim ini adalah industri elektronik, besi, besi dan keluli, hotel dan plastik. Dengan pelaksanaan skim ini, adalah diharapkan akan lebih ramai lagi lepasan sekolah dapat dilatih sebelum mereka memasuki ke pasaran buruh.

Beliau juga ingin mendapat penjelasan mengenai ahli-ahli Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan mencadangkan supaya dilantik wakil wanita menjadi ahli bagi menjaga kepentingan pekerja wanita. Pada masa ini, ahli Majlis Pembangunan Sumber Manusia terdiri daripada 8 orang wakil majikan, 4 orang daripada agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam latihan dan 2 orang ahli berkecuali yang difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia boleh membantu Majlis dalam mencapai objektifnya. Ahli yang berkecuali dilantik adalah wakil kesatuan sekerja yang kebiasaannya berperanan menjaga kepentingan pekerja termasuk pekerja wanita.

Walaupun pada masa ini tiada ahli Majlis terdiri daripada kaum wanita, tetapi jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis bagi membantu melaksanakan tanggungjawabnya seperti Jawatankuasa Pemberian Taraf Program Latihan yang diluluskan, terdapat kaum wanita menjadi ahli.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah membangkitkan mengenai pindaan kepada seksyen 3A, mengapa syarikat kecil diberi pilihan. Syarikat kecil diberi pilihan kerana kita tidak mahu mewujudkan satu keadaan di mana syarikat kecil ini yang tidak memerlukan latihan kerana menggunakan teknik

pengeluaran berintensifkan buruh dipaksa membayar levi, tetapi tidak menggunakannya. Ini hanya akan meningkatkan bebanan kewangan mereka. Ini sudah tentu akan merugikan mereka. Mereka adalah digalakkan mengubah kepada teknik pengeluaran yang berintensif modal dan terus mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan seterusnya menjalankan latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja selaras dengan teknik pengeluaran.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling juga menyatakan pandangan mengenai levi pembangunan sumber manusia bagi majikan kecil sebanyak 5% adalah tinggi. Levi pembangunan sumber manusia yang dikenakan kepada majikan kecil yang mempunyai pekerja antara 10 hingga 49 orang dan dengan modal berbayar kurang dari RM2.5 juta adalah setengah peratus daripada upah bulanan pekerja, bukannya 5% - setengah peratus, 0.5%. kadar bayaran levi ini adalah lebih rendah daripada kadar levi yang dikenakan kepada majikan lain, iaitu 1% daripada upah bulanan pekerja. Kadar faedah ini adalah bersesuaian memandangkan kerajaan akan memberi subsidi, iaitu setiap RM1.00 yang mereka bayar, kerajaan akan memberi subsidi RM2.00.

Di samping itu, sukacita juga saya menyatakan bahawa di antara kursus-kursus yang diberi, yang digalakkan oleh Tabung Pembangunan Sumber Manusia adalah kursus-kursus bersifat kerohanian, keagamaan dan sebagainya. Ini sedikit-sebanyak dapat menjawab pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat tadi.



Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail, sahabat saya dari Perlis, beliau telah pun menyokong beberapa pindaan yang telah diberi, misalnya faedah 10% dan sebagainya. Beliau telah pun membangkitkan kebimbangan mengenai badan pembiayaan yang akan ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Sukacita saya menyatakan bahawa kementerian juga mempunyai satu badan, iaitu Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang mana juga menentukan supaya standard latihan-latihan dan kursus-kursus yang akan diberi semuanya terkawal. Oleh sebab itu, kalau ada badan-badan baru sudah tentulah kita akan ada penyelarasan untuk memastikan supaya standard minimum dalam pelbagai kursus dapat dipertahankan.

Saya memang setuju dengan cadangan beliau, saya rasa satu cadangan yang cukup baik, iaitu supaya ada satu badan pengawas yang cukup berkesan untuk memastikan supaya latihan yang dibenarkan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini berkesan. Saya rasa cadangan itu memang kena pada tempatnya, sekarang oleh sebab levi yang dikutip oleh Majlis sekarang ini adalah begitu banyak dan latihan-latihan yang diluluskan pula begitu banyak, iaitu dalam masa dua tahun sahaja kita telah pun meluluskan latihan kepada lebih 600,000 orang dalam masa dua tahun. Maka sudah tentulah kalau kita hendak bergantung sahaja kepada pegawai yang ada sekarang, mungkin sesetengah latihan itu tak begitu tepat ataupun berkesan. Jadi, saya setuju dan pihak kementerian akan memikirkan supaya kita dapat mewujudkan satu badan pengawas yang lebih berkesan untuk memastikan supaya latihan-latihan yang

diluluskan itu benar-benar akan membawa faedah kepada syarikat-syarikat yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit-sebanyak jawapan saya kepada pandangan-pandangan yang telah diberi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA (PINDAAN) 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga**

**4.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji**

**Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pampasan Pekerja 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pampasan Pekerja 1952 merupakan sebuah undang-undang yang memperuntukkan pembayaran pampasan apabila seseorang pekerja tercedera atau mati akibat kemalangan yang berlaku semasa bekerja atau yang berbangkit dengan pekerjaannya. Di bawah akta ini majikan diwajibkan membeli polisi insurans untuk melindungi pekerja-pekerjanya. Apabila berlaku sesuatu kemalangan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan kepada seseorang pekerja, Jabatan Buruh akan menaksirkan amaun pampasan menurut peruntukan di bawah Akta ini dan kemudian pihak majikan yang berkenaan akan berurusan dengan penanggung insuran untuk menyelesaikan bayaran pampasan itu.

Akta ini adalah terpakai di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Walau pun akta ini pada mulanya dimaksudkan untuk meliputi pekerja-pekerja tempatan sahaja, ia juga telah meliputi pekerja-pekerja asing kerana istilah pekerja yang digunakan dalam akta ini tidak membezakan pekerja tempatan dengan pekerja asing. Apabila Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 diperluaskan skop liputannya untuk melindungi semua pekerja tempatan dan juga semua pekerja asing mulai 1hb. Januari, 1992, akta ini telah menjadi tidak terpakai sepenuhnya. Bagaimanapun, mulai 1hb. April, 1993 kerajaan telah memutuskan supaya semua pekerja asing dikeluarkan daripada liputan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan di letakkan di bawah liputan Akta

Pampasan Pekerja 1952. Dengan keputusan ini Akta Pampasan Pekerja 1952 adalah terpakai secara khusus kepada pekerja-pekerja asing dan ia perlu dihidupkan semula serta dipinda dan dikemas kini agar bersesuaian dengan fungsi dan objektif barunya.

Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap akta ini, terdapat 4 cadangan pindaan yang penting seperti berikut:

- (i) cadangan untuk menaikkan amaun denda yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah;
- (ii) cadangan untuk menaikkan kadar bayaran pampasan;
- (iii) cadangan untuk mewujudkan satu mekanisme bagi menjamin bayaran pampasan dengan mudah dan cepat oleh penanggung insurans; dan
- (iv) cadangan untuk mewujudkan satu kaedah baru bagi tujuan memudah dan mempercepatkan proses membuat tafsiran pampasan yang patut dibayar dalam setiap kes tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 4 - mencadangkan pindaan kepada Seksyen 8, Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk menaikkan sebanyak 20% amaun pampasan yang akan diawardkan sekiranya berlaku kematian, tidak daya sepenuh yang kekal, tidak daya separa yang kekal atau tidak daya sementara yang kekal ke atas

seseorang pekerja akibat daripada kecederaan yang dialami olehnya. Amaun pampasan pekerja yang berkuatkuasa sekarang telah ditetapkan pada tahun 1977 iaitu 18 tahun yang lalu. Sejak itu taraf kehidupan dan kos sara hidup kaum pekerja telah meningkat sejajar dengan proses pembangunan ekonomi dan sosial negara. Dengan ini amaun yang diawardkan sekarang adalah dianggap tidak mencukupi dan tambahan sebanyak 20% yang dicadangkan telah mengambilkira trend inflasi yang disebabkan oleh kenaikan standard dan kos sara hidup.

Fasal 7 - mencadangkan pindaan kepada Seksyen 13(5) untuk menaikkan denda maksimum daripada RM2,000 kepada RM5,000 bagi kesalahan pertama dan daripada RM5,000 kepada RM10,000 bagi mana-mana kesalahan berikutnya bagi ketidapatuhan Seksyen 13(1). Pindaan ini bertujuan untuk mencegah keingkaran seseorang majikan untuk melaporkan sesuatu kemalangan yang terjadi ke atas mana-mana pekerja asing ke Jabatan Buruh.

Fasal 8 pula mencadangkan pindaan kepada Seksyen 23(2) Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk meninggikan lagi denda maksimum daripada RM2,000 kepada RM5,000 bagi kegagalan mematuhi Seksyen 23(1). Subseksyen itu menghendaki tiap-tiap majikan menghantar kepada Jabatan Buruh penyata tentang bilangan kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerja asing dan jumlah pampasan yang telah dibayar bagi tempoh-tempoh yang tertentu.

Fasal 9 - mencadangkan supaya amaun denda maksimum bagi kesalahan ingkar membeli polisi insurans di bawah Seksyen 26(4) dinaikkan dari RM10,000 ke RM20,000 dan hukuman penjara 2 tahun bagi kesalahan ini yang berkuatkuasa sekarang dikekalkan tanpa sebarang pindaan. Ini memandangkan pada masa sekarang amaun denda maksimum sebanyak RM10,000 yang boleh dikenakan ke atas majikan yang ingkar membeli polisi insurans untuk melindungi pekerja-pekerja yang telah didapati kurang berkesan sebagai faktor pencegahan. Sejak Akta Pampasan Pekerja 1952 dipakai khusus kepada pekerja asing, ramai majikan didapati ingkar melindungi pekerja-pekerja asing yang digajikan oleh mereka dengan polisi insurans pampasan pekerja. Rekod juga menunjukkan bahawa kadar kemalangan yang berlaku dalam waktu bekerja kepada pekerja-pekerja asing telah meningkat lebih tinggi daripada kadar kemalangan yang berlaku kepada pekerja-pekerja tempatan kerana lebih ramai pekerja asing yang melaksanakan tugas-tugas berisiko tinggi khususnya di sektor pembinaan.

Di bawah Fasal 9 - pindaan yang dicadangkan adalah untuk mewujudkan akauntabiliti di pihak penanggung-penanggung insurans yang akan melicinkan pentadbiran dan mempercepatkan penyelesaian tuntutan pekerja. Skim insurans pada masa sekarang membenarkan majikan-majikan menginsuranskan pekerja-pekerja mereka dengan mana-mana syarikat insurans. Amalan ini telah menyebabkan sebilangan besar daripada tuntutan-tuntutan

yang telah ditaksir oleh Jabatan Buruh dipertikaikan oleh para majikan semata-mata kerana hendak mengelak daripada tanggungjawab membayar cukai dan cuba melengah-lengahkan bayaran. Kadangkala para majikan yang tidak bertanggungjawab juga sanggup berpakat dengan penanggung insurans untuk menentukan tuntutan-tuntutan pekerja dengan menimbulkan pelbagai litigasi dan karenah perundangan. Hanya selepas segala helah tersebut gagal barulah majikan dan penanggung insurans menyelesaikan tuntutan pekerja dan ini mungkin akan mengambil masa di antara 6 bulan - 24 bulan untuk diselesaikan. Akibatnya pekerja terpaksa menanggung penderitaan dan Jabatan Buruh pula mengalami kerumitan dalam mengendalikan tuntutan-tuntutan pekerja. Untuk mengatasi masalah itu, pindaan yang dicadangkan bertujuan menjadikan 'mandatory', bagi seseorang majikan menginsuranskan dirinya dan memastikan dirinya terus diinsuranskan di bawah skim insurans yang diluluskan oleh Menteri Sumber Manusia.

Di bawah Skim Insurans ini, Menteri Sumber Manusia akan memilih dan melantik penanggung insurans yang benar-benar layak serta mengenakan syarat-syarat tertentu bagi mendapatkan jaminan daripada mereka bahawa tuntutan-tuntutan pampasan oleh pekerja-pekerja akan diselesaikan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, pindaan ini hanyalah merupakan satu alternatif kepada sistem yang sedia ada. Pindaan ini memberi kuasa

simpanan kepada Menteri Sumber Manusia untuk memperkenalkan sistem baru ini jika beliau fikirkan perlu dan wajar.

Fasal 10 - bertujuan meminda Jadual Pertama dan Kedua kepada akta bagi memperkenalkan kaedah baru untuk menaksir pampasan pekerja. Buat masa sekarang, selain kes kemalangan yang melibatkan kematian, amaun pampasan yang patut dibayar kepada seorang pekerja yang tercedera ditaksir dengan berasaskan kepada peratusan hilang upaya memperolehi pendapatan. Porsedur bagi menentukan peratusan hilang upaya adalah cerewet dan sangat kompleks. Amalan ini bukan sahaja mengambil masa yang panjang tetapi juga menimbulkan masalah ketidak seragaman kepada pertimbangan dan budi bicara Pegawai Penyiasat adalah berlainan walaupun bagi kecederaan-kecederaan yang serupa.

Di bawah kaedah baru yang dicadangkan, peratusan hilang upaya memperolehi pendapatan bagi setiap jenis kecederaan ditetapkan terlebih dahulu di dalam Jadual Pertama Akta ini dan ia akan merupakan satu alat penentu yang sedia ada yang akan membolehkan kerja menaksir pampasan pekerja dilaksanakan dengan mudah dan cepat tanpa sebarang karenah birokrasi yang tidak diingini. Kaedah baru ini dimodelkan dari kaedah yang diamalkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang sudah terbukti sebagai satu kaedah yang sangat sesuai dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pampasan Pekerja, 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada yang hendak bahas? Ya, Tuan Rahim. Tetapi sebelum itu, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3) saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Ding Seling:** Sila, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**4.20 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Pampasan Pekerja tahun 1952 yang dinamakan Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, empat perkara penting telah pun dipinda di dalam pindaan ini dan saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah Fasal 4 iaitu di bawah Seksyen 8 yang bertujuan meminda Seksyen 8 Akta untuk menambah amaun

pampasan yang akan diawardkan sekiranya berlaku kematian, tak daya sepenuh yang kekal, tak daya separa yang kekal atau tak daya sementara, yang kekal seorang pekerja akibat daripada kecederaan yang dialami olehnya.

Amaun sekarang yang diawardkan adalah dianggap tidak mencukupi dan tambahan sebanyak 20% dicadangkan dengan mengambil kira trend inflasi disebabkan oleh kenaikan standard dan juga kos kehidupan.

Sepertimana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kali terakhir iaitu di bawah seksyen ini di mana seseorang itu diberi pampasan yang dikira adalah bergantung kepada 45 bulan gaji ataupun RM14,400 yang mana lebih rendah akan dikira dan sekarang ini dinaikkan kepada 60 bulan gaji atau RM18,000 juga dikira yang mana lebih rendah daripada kiraan di antara RM18,000 ataupun 60 bulan gaji.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun berkata bahawa kenaikan 20% ini memandangkan bahawa setelah 17 tahun iaitu kali terakhir dipinda ialah pada tahun 1977, sekarang ini tahun 1996, telah 19 tahun. 19 tahun barulah kita membuat pindaan dan kalau hendak dikira kadar inflasi sejak 19 tahun yang lalu, mungkin sejak akhir-akhir ini 3% ataupun 4% setahun, kalau kita ambil secara kompaunnya pun saya percaya kenaikan 20% ini adalah kenaikan yang terlalu kecil, kalau hendak dibandingkan dengan kadar inflasi sejak 19 tahun yang lalu.

Saya berharap pada masa-masa yang akan datang, jika dibuat sekali lagi pindaan, hendaklah diambil kira kadar inflasi bukan hanya mengambil, saya pun tak tahu macam mana angka 20% ini, kalau hendak dikaitkan dengan kadar inflasi, saya percaya 20% ini tidaklah memadai. Jadi, janganlah kita kaitkan dengan keadaan inflasi kerana dalam perkiraan saya, kalau kadar inflasi 5% sahaja setahun, jadi kalau 19 tahun di kali dengan 5, maknanya mesti naik 95%. Itu belum diambil cara kompaun lagi, cara flat rate pun sepatutnya kadar yang dinaikkan ialah 95%.

Begitu juga, dalam seksyen 8 akta ini dinyatakan bahawa pendapatan 60 bulan gaji atau RM18,000 yang mana lebih rendah. Bermakna seorang pekerja yang mati, yang hilang keupayaan, yang tak daya separuh kekal ataupun sebagainya yang mendapat kemalangan akan mendapat imbuhan tidak lebih daripada RM18,000. Bermakna kalau misalnya, kita ambil seorang pekerja, kita ambil gaji yang murah sahajalah, katakan seorang pekerja gajinya RM1,000 bermaknanya pendapatan 60 bulan itu tak applicable. Maknanya dia akan dapat hanya untuk 18 bulan gaji sahaja, biasanya.

Saya berharap sepatutnya dipinda yang mana lebih tinggi, bukannya yang mana lebih rendah kerana saya sempat membaca akta seksyen 8 dianggap yang mana lebih rendah itulah yang dikira. Jadi, maknanya seorang pekerja yang menerima kemalangan ataupun berlaku kematian ataupun sebagainya hanya akan mendapat tidak lebih daripada RM18,000 di bawah pindaan ini.

Kalau misalnya gajinya RM1,000 pun dia dapat RM18,000 juga, kalau gajinya RM500 pun, dia juga akan dapat RM18,000, kalau gajinya RM300 sebulan, maknanya 60 x RM300, dia akan dapat cukup-cukup RM18,000. Maknanya ini berpandukan kepada seorang pekerja yang bergaji RM600 ataupun RM300 sebulan. Jadi, apa yang kita harapkan ialah supaya pada masa-masa yang akan datang, jika dipinda hendaklah dipinda mengikut gaji ataupun yang mana lebih tinggi, bukannya yang mana lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan tentang pampasan di bawah rang undang-undang ini ataupun di bawah Akta Pampasan Pekerja ini, ianya berlainan sedikit di bawah SOCSO ataupun di bawah Perkeso di mana seseorang yang dilindungi di bawah SOCSO ianya dilindungi untuk tempoh 24 jam, tetapi di bawah Akta Pampasan Pekerja tahun 1952 ini ianya hanya dilindungi semasa bekerja, semasa pergi bekerja dan juga semasa balik daripada tempat kerja, itupun banyak dispute tentang istilah 'pergi kerja'. Kadangkala kena ikut jalan yang dia selalu ikut, kalau dia ikut jalan yang lain pun kadangkala pihak insurans tidak mahu membayarnya. Begitu juga kalau dia balik bekerja, kalau dia tak mengikut jalan yang biasa dia ikut, dia ikut jalan yang lain pun akan menjadi perbalahan juga dengan pihak insurans yang meng'insured'kan pekerja-pekerja ini.

Saya mencadangkan supaya di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 ini seseorang pekerja itu dilindungi 24 jam, seperti juga di bawah SOCSO mereka ini dilindungi untuk tempoh 24 jam. Kita berharap juga pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Akta Pampasan Pekerja ini juga akan dilindungi untuk tempoh 24 jam seperti mereka yang dilindungi di bawah SOCSO.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak berkenaan ataupun ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengenai cara pembahagian kewangan. Tadi, disebutkan bahawa akta ini juga akan meliputi pekerja-pekerja asing yang meninggal, yang terlibat dalam kemalangan ataupun dalam kematian di sini. Bagaimana cara pemberian ataupun pengagihan kewangan terutamanya kepada pekerja-pekerja asing yang tidak ada sanak-saudara di sini, yang tidak ada waris di sini, bagaimana caranya kerajaan di bawah akta ini membahagikan kewangan ataupun sugu hati sebanyak tidak lebih daripada RM18,000 seperti yang telah dinyatakan tadi. Siapakah yang berhak untuk mendapatkan kewangan ini?

Begitu juga kepada pekerja-pekerja di dalam negeri kita sendiri. Adakah pembahagian diberikan mengikut cara di bawah sistem undang-undang Islam iaitu Undang-undang Faraid ataupun digunakan cara-cara yang tertentu oleh Jabatan Buruh untuk membahagikan pampasan-pampasan kepada pekerja-pekerja yang menerima malapetaka tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Fasal 6 yang tujuan menaikkan atau menambah elaun pengkebumian daripada RM100 kepada RM1,000 kerana selama ini hanya RM100 bukanlah satu angka yang mencukupi untuk mengkebumikan seseorang, kadangkala kalau seorang Islam meninggal di Kuala Lumpur, kena hantar balik ke Kulim, umpamanya Kulim Bandar Baru, umpamanya sewa van pun saya ingat sudah lebih daripada RM240, itu secara kebetulan saya ambil contoh sahaja di Kulim Bandar Baru itu. Jadi, sewa van pun sudah RM240 lebih, lepas itu buat kenduri ataupun sebagainya tentulah tidak mencukupi bayaran RM100 untuk mengkebumikan seseorang yang telah meninggal dunia.

Jadi, saya mengalu-alukan kenaikan kepada RM1,000 ini dan kalau boleh, kita fikirkan kenaikan yang lebih munasabah. Saya tidak tahu kerana kita ini banyak agama, banyak kebudayaan dan banyak kepercayaan, jadi agama masing-masing ada cara-cara pengkebumian, mungkin orang Cina lebih sedikit, mungkin orang-orang di kawasan pedalaman kurang sedikit atau orang Islam caranya berlainan, jadi satu figure yang lebih mewakili kesemua kaum-kaum ataupun agama-agama di negara kita ini, tambahan pula yang mati ini bukan banyak kali, sekali sahaja seumur hidup pun! Jadi, kalau beri RM5,000 pun saya fikir tidak mendatangkan masalah kepada pihak kerajaan dan juga kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab memberikan insurans kepada pekerja-pekerja yang terlibat di dalam Akta Pampasan Pekerja ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Pampasan Pekerja. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**4.34 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang dalam perbahasan untuk meminda Akta Pampasan Pekerja Tahun 1952. Pendapat saya seperti juga yang dibahaskan oleh sahabat saya tadi, iaitu saya suka mengucap tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia dan kepada sahabat saya Yang Berhormat Timalan Menteri Sumber Manusia yang telah pun memberi penjelasan yang

begitu terang sebab-sebab mengapa kita hendak pinda Akta Pampasan Pekerja Tahun 1952 ini.

Pada saya, Akta Pampasan Pekerja Tahun 1952 yang berkehendakkan majikan yang memiliki pekerja kurang daripada 5 orang untuk memberi insurans kepada pekerja-pekerja itu di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952. Tetapi dengan adanya Akta Keselamatan Sosial Pekerja ataupun SOCSO yang selalu kita faham, di mana di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1996 sepertimana dipinda pada tahun 1992 yang telah pun menerima masuk kepada syarikat-syarikat yang memberi kerja lebih daripada seorang yang pendapatannya RM2,000 ke bawah, tetapi ini telah dipinda untuk memberi peluang kepada yang pendapatannya RM2,000 lebih untuk membuat pilihan hendak mencarumkan kepada SOCSO ini. Jadi, kalau kita perhatikan ini, bahawa Akta Pampasan Pekerja 1952 ini telah pun di'diluted'kan dan tidak banyak kes yang pergi ke mahkamah yang menggunakan akta ini.

Oleh itu, saya mencadangkan, boleh jadi terlambat pada saat ini untuk kita menghapuskan Akta Pampasan Pekerja ini dan menggunakan akta yang baru iaitu Akta Keselamatan Sosial yang telah pun menjadi begitu popular kepada pekerja-pekerja dan syarat-syaratnya sepertimana saya beri penerangan tadi. Pindaan yang kita sedang bahaskan ini adalah amat baik sebab dengan pindaan ini, skop perlindungan yang diberi kepada seorang pekerja itu di bawah akta ini diperluaskan dan ini kena pada masa dan tempatnya sebab negara kita

sedang membangun dan akan mencapai kehendak kita semua iaitu mencapai negara maju pada tahun 2020 dan daripada segi itu, berkehendakkan perantaraan antara pekerja dengan majikan amatlah penting sekali untuk kita menggalakkan pekerja-pekerja yang mahir bekerja di negara kita ini dan sebaliknya pula menggalakkan syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi untuk membuat investment di dalam negara kita ini.

Saya bersetuju bahawa fasal-fasal yang kita hendak pinda itu amatlah sesuai. Fasal 4 - saya menyokong iaitu untuk kita hendak menaikkan award kepada satu tingkat yang munasabah. Fasal 6, sepertimana yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, untuk kita memberi pampasan jikalau terjadi satu kematian untuk hendak mengkebumikan simati itu mengikut adat dan agama yang kita selalu latih di negara kita ini dan RM100 sudah tentu tidak mencukupi dan RM1,000 pun pada saya tidaklah begitu mencukupi dan saya cadangkan bahawa RM2,000 adalah sesuai dengan keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kepada saya berkenaan dengan pampasan ini, baiklah. Ini berlaku apabila ada kemalangan, ada kematian pekerja-pekerja kita tetapi kepada saya yang pentingnya kita mesti mengelakkan kemalangan dan kematian ini. Apabila sudah mati, wang ringgit pun tidak ada gunanya, hanya untuk meringankan beban yang akan ditanggung oleh waris-waris, anak-anak, isteri yang nasibnya tidak begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita mestilah mengambil satu tindakan dan kita mestilah membuat satu-satu syarat untuk



menjaga keselamatan pekerja. Kalau kita mengikut statistik keselamatan, kemalangan industri pada tahun 1969 berlaku sebanyak 112,095 kemalangan.

Pada tahun 1990, jumlah kemalangan ialah 125,304 kes. Pada tahun 1991, sebanyak 128,871 kes kemalangan berlaku, lebih 15% dalam tempoh 3 tahun. Ini adalah satu statistik ataupun angka yang amat tinggi. Jadi, bagaimana kita hendak mengatasi atau pun menjauhi kemalangan yang berlaku ini? Inilah pada saya yang amat penting bagi kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Manusia mengkaji.

Saya mencadangkan, jikalau belum lagi dilaksanakan untuk kita mengadakan satu Jawatankuasa Keselamatan Pekerja dan kita juga mesti ada atur cara keselamatan pekerja. Saya faham Kementerian Sumber Manusia telah pun memikirkan dan mengadakan syarat-syarat ini, walau bagaimanapun, saya suka menekankan lagi, jikalau tidak dibuat demikian, mereka yang bekerja dengan jentera yang merbahaya mestilah dilatih secukupnya untuk mengendalikan jentera-jentera ini dan mengikut peraturan-peraturan keselamatan.

Kita juga mesti menentukan tempat bekerja dan tempat yang tidak boleh digunakan oleh pekerja untuk bekerja. Kita juga mesti ada undang-undang berkenaan dengan keselamatan yang mana mesti dipatuhi semuanya. Kita mesti ada undang-undang yang kuat supaya jangan terlalu bising kepada pekerja-pekerja dan mereka mestilah menggunakan satu jentera keselamatan untuk mengelakkan jentera-jentera yang membuat bising ini.

Kita juga mesti mencarumkan insurans yang secukupnya mengikut keadaan kerja dan saya setuju bahwa insurans ini mestilah diambil daripada syarikat-syarikat insurans yang ada prestasi yang baik dan bukannya syarikat insurans yang kecil yang akhirnya tidak boleh membayar pampasan ini. Kebanyakan syarikat insurans ini suka melambat-lambatkan untuk menyelesaikan masalah insuransnya. Kes pertama, apabila kita membuat satu permohonan ke mahkamah untuk mendapat pampasan, pihak insurans sudah tentu ada peguamnya yang akan membalas balik dengan mengatakan kemalangan itu berlaku bukan kerana majikan, tetapi sebab kecuaiannya pekerja.

Jadi, ini adalah satu alasan untuk hendak melambat-lambatkan perbicaraan itu. Apabila sampai 3 tahun, perkara itu hendak diselesaikan di mahkamah, barulah syarikat insurans itu mengatakan, “baik, kita bersetuju untuk menyelesaikan di luar mahkamah”. Jadi, berapa lama hendak menunggu dan berapa banyak syarikat insurans itu untung daripada wang yang hendak diberi sebagai pampasan tadi disimpan di dalam bank supaya tidak dapat dikeluarkan dengan begitu cepat. Jadi, oleh itu, syarikat-syarikat insurans ini mestilah dipastikan bahawa ia adalah syarikat insurans yang ada prestasi dan nama yang baik.

Satu lagi ialah masa rehat yang cukup mesti kita berikan kepada pekerja-pekerja yang bekerja di tempat-tempat yang risikonya amat tinggi. Kita juga mesti menasihatkan kepada majikan dan syarikat-syarikat untuk menyimpan

alat-alat yang merbahaya di tempat-tempat yang ditentukan dan jangan menyimpan alat-alat atau ubat-ubat yang merbahaya ini dekat dengan tempat pekerja kita bekerja.

Kita juga mesti mempunyai buku pendaftaran kemalangan. Kalau misalannya ada satu kemalangan yang kecil, kita tidak ambil endah dan majikan menghantar pekerja ke hospital untuk berubat atau pergi ke klinik, kemudian perkara itu hilang begitu sahaja. Yang saya hendak, majikan mesti menyimpan satu buku daftar tentang apa juga jenis kemalangan yang berlaku, walaupun kemalangan itu sedikit, kita mesti mempunyai rekod untuk kita mengetahui mengapa kemalangan itu berlaku dan majikan mesti mengambil serius berkenaan dengan apa juga jenis kemalangan yang berlaku di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan-cadangan yang patut kita adakan untuk menyelamatkan pekerja-pekerja kita dari kemalangan kalau boleh, sebab kebanyakan kemalangan-kemalangan yang berlaku ini adalah disebabkan kecuaiannya majikan dan juga pekerja. Kecuaian ini kebanyakannya dapat kita elakkan jikalau betul-betul majikan dan pekerja ini ada disiplin yang cukup dan tahu apa yang patut dijalankan supaya mengelakkan dari kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak berucap panjang, hanya saya mencadangkan dari segi keselamatan tadi, walau berapa banyak pampasan sekalipun, kalau keselamatan pekerja tidak dijaga dengan sebaiknya, tidak ada gunanya kita membayar pampasan yang begitu banyak sedangkan kita

akan hilang banyak pekerja, yang mati, yang cacat, tangannya tidak ada dan kaki juga tidak ada. Kita tidak mahu negara kita ini mempunyai pekerja-pekerja yang selalu mendapat kemalangan di tempat-tempat kerja mereka. Kita hendakkan negara Malaysia adalah satu tempat yang menjadi idaman pekerja-pekerja dan juga majikan-majikan besar untuk datang disebabkan cara keselamatannya adalah baik dan Kementerian Sumber Manusia adalah satu kementerian yang betul-betul berjiwa sumber manusia kepada pekerja-pekerjanya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**4.47 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas rang undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya akta yang melibatkan nasib pekerja dipinda dari masa ke semasa. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pentingnya guna tenaga manusia dalam kita menuju abad ke-21 dalam menangani cabaran pembangunan sepertimana yang diperuntukkan juga di dalam RMK-7 sektor pembuatan merangkumi 60% guna tenaga.

Kita juga sedia maklum, sektor industri adalah satu sektor yang bukan sahaja memerlukan tenaga manusia, tetapi juga satu sektor yang menggunakan

perbagai jenis jentera, mesin, bahan elektronik dan bahan-bahan seperti kimia atau racun dalam pengeluaran produknya.

Telah dikenal pasti terdapat lebih kurang 26 jenis occupational hazards, dengan izin, dan kemalangan atau injury sepertimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua rang undang-undang yang telah dikemukakan. Ini hanya merupakan hazards yang boleh dikesan secara langsung atau “immediate” dengan izin, tidak termasuk sakit atau kecederaan yang akan ditanggung oleh pekerja secara jangka panjang atau setelah bersara.

Justeru itu, bukan hanya pampasan yang perlu diberi pertimbangan. Saya setuju apa yang telah disarankan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki tadi, tetapi juga usaha-usaha untuk mengelakkan, jika tidak meminimumkan kemalangan atau kesan-kesan pekerjaan kepada pekerja.

Laporan-laporan dalam berita pengguna banyak mempamerkan peristiwa kudung jari dan anggota yang lain termasuk pengguguran anak di mana hazards, dengan izin, di tempat-tempat kerja. Tadi Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki juga telah menyatakan statistik tentang laporan-laporan occupational hazards, dengan izin, yang telah berlaku.

Saya memang bersetuju dan juga mencadangkan pihak kementerian perlu mempertingkatkan kesedaran dan pengawasan tentang perkara-perkara atau bahan-bahan bahaya di dalam industri-industri yang sedia ada. Kita sedia maklum, ramainya pekerja-pekerja kilang adalah ibu atau bapa kepada sesebuah keluarga dan individu yang bukan sahaja penting bagi produktiviti negara tetapi juga bagi sesebuah keluarga dan negara. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan data mereka yang telah menemui kemalangan atau

penyakit atas sebab pekerjaan, maka pastinya pindaan ke atas Akta Pampasan Pekerja 1952 adalah amat bertepatan, jika tidak berkelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, nyata sekali pekerja-pekerja kilang adalah suatu golongan yang sentiasa terdedah kepada hazard, dengan izin, atau kemalangan di tempat kerja. Yang agak membimbangkan ialah sebab-sebab atau penyebab-penyebab penyakit dan kemalangan itu adalah secara tidak dapat dilihat dengan nyata seperti bunyi, vibration, dengan izin, kimia seperti asbestos yang dikatakan boleh menyebabkan kanser paru-paru dan sebagainya. Saya ingin menyarankan demi keperimanan, Kementerian Sumber Manusia hendaklah mengadakan kempen-kempen kesedaran tentang bahaya-bahaya ini agar pihak majikan dan juga pekerja mengambil inisiatif dan tindakan sewajarnya.

Mungkin kita ingat dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Konvensyen UMNO baru-baru ini tentang bagaimana beliau menceritakan nasib pekerja-pekerja di kilang arang batu di England suatu masa dahulu, di mana nasib pekerja-pekerja kilang tidak diberi perhatian. Tentunya kita tidak mahu nanti meninggalkan sejarah buruk sebegitu tentang nasib pekerja-pekerja kita yang kebanyakannya pula adalah terdiri daripada orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalu-alukan pindaan jumlah pampasan yang ditambah sebanyak 20% di bawah seksyen 8 yang berdasarkan trend inflasi disebabkan kenaikan standard dan kos kehidupan. Walau

bagaimanapun, sukalah saya mengingatkan pihak kementerian tentang cara tuntutan dan pemerolehan pampasan tersebut. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan pindaan ini adalah untuk memudahkan pihak yang malang atau pekerja yang mendapat kemalangan, untuk memudahkan mendapatkan pampasan.

Saya amat mengalu-alukan perkara tersebut, sebabnya kalaulah kementerian dapat mewujudkan satu prosedur dan sistem yang mudah dibuat oleh pihak penuntut, tentulah pihak kementerian membekalkan fasiliti-fasiliti dan pegawai-pegawai yang terlatih untuk memastikan wang pampasan sewajarnya termasuk perkiraan pampasan yang sebenarnya dapat dinikmati oleh pekerja yang malang dan keluarganya dan tidak kepada pihak yang mengendalikan pengeluaran pampasan atau peguam yang membela kes si malang.

Tempoh masa mandatori untuk pengeluaran pampasan atur cara dan kos pengendalian pengeluaran pampasan hendaklah disediakan oleh pihak kementerian dengan cara yang terperinci dengan kawal selia yang berkesan. Contohnya mungkin bagi tujuan mengeluarkan pampasan boleh digunakan khidmat bank seperti bon dan sebagainya.

Saya juga mengalu-alukan pindaan seksyen 9 akta yang saya percaya akan dapat membantu keluarga dan pekerja yang malang dalam perkara pendapatan bulanan. Saya ingin memaklumkan kepada pihak kementerian

bahawa saya ada menerima beberapa laporan bahawa pendapatan pekerja kilang seperti di Ipoh adalah terlalu kecil yang menyebabkan ramai pekerja tempatan tidak mahu bekerja di kilang dan oleh kerana itu, ramai buruh asing yang telah diambil untuk bekerja di kilang-kilang tersebut. Saya menyentuh tentang perkara pendapatan minimum ini ialah kerana dalam kiraan pampasan, gaji atau pendapatan yang ditetapkan kepada pekerja akan menjadi relevan dan akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi krisis kekurangan pekerja ini, saya menyarankan kepada pihak kementerian membuat siasatan tentang kesahihan perkara ini. Saya juga ingin menyarankan pihak kementerian untuk membuat siasatan mengenai rungutan-rungutan dan aduan-aduan mengenai kegiatan sosial dan pakej sosial seperti majlis hiburan hujung minggu yang dijadikan sebagai satu jenis pampasan atau pendapatan bagi pekerja-pekerja. Ada kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral berlaku dan ramai yang khuatir tentang nasib anak-anak gadis kita yang bekerja yang datang dari luar bandar ke bandar. Laporan ini banyak saya terima seperti contohnya di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan subseksyen 10(a) Akta yang menambah amaun perbelanjaan pengkebumian daripada RM100 kepada RM1,000. Cuma saya ingin mengingatkan sekali lagi cara pembayaran itu perlulah berkesan. Saya ada terbaca dalam surat khabar *New Straits Times*, dalam tulisan Ahmad A. Talib, kolum *Pahit Manis*. Dia telah menceritakan



bagaimana dua orang tua, ibu bapa kepada seorang pekerja menunggu anaknya pulang dan yang pulang ialah mayat anaknya kerana telah meninggal dunia dan setelah beberapa lama mereka tidak mendapat apa-apa pampasan, apatah lagi untuk mendapat wang pengkebumian anak mereka.

Jadi, apa yang saya cuba nyatakan di sini ialah perlunya keberkesanan penyampaian maklumat, penyampaian pampasan kepada mereka yang sepatutnya mendapat pampasan kerana tidak bererti kita menaikkan pampasan atau kita mewujudkan sistem pampasan tetapi tidak sampai kepada mereka yang sepatutnya mendapat pampasan. Saya percaya kes-kes ini banyak berlaku terutamanya kepada mereka yang kurang arif dan yang tidak tahu menahu tentang pekerjaan anak-anak mereka dan sebagainya. Saya juga percaya perkara ini juga banyak berlaku di kampung-kampung di mana mereka mungkin tidak tahu di mana tempat kerja anak-anak mereka dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks mengenakan lebih penalti kepada majikan kerana tidak memberitahu Pesuruhjaya mengenai kemalangan di premis, saya juga minta pihak kementerian menyatakan berapakah jumlah kegagalan majikan yang telah tidak melaporkan kemalangan atau perkara-perkara mengenai kemalangan pekerja mereka di premis mereka? Saya percaya premis ini dimaksudkan juga jika mereka bukan berada di premis tetapi juga membuat kerja yang berkaitan dengan kerja mereka. Sepatutnya kemalangan yang boleh dituntut bukan sahaja berlaku di dalam premis tetapi juga jika

berlaku di luar premis tersebut selagi ianya merupakan tugas yang perlu dijalankannya berkaitan dengan pekerjaannya. Saya rasa ini mungkin telah dimasukkan dalam akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika banyak kemalangan, penalti tinggi adalah satu cara untuk memastikan laporan dibuat tetapi juga jika tidak ada mekanisme kawalan dan kawal selia, dan penguatkuasaan yang berkesan, kemungkinan juga ini tidak akan memberi kesan yang efektif untuk membela nasib pekerja. Kita memang mudah meningkatkan penalti apabila berlakunya kesalahan-kesalahan tetapi kadangkala kita juga lupa untuk memastikan dan mengkaji sama ada sebenarnya tindakan kita menaikkan penalti itu merupakan sebaik-baik cara untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang hendak kita kuatkuasakan.

Saya mengucapkan tahniah bagi pindaan kepada subseksyen 26(1). Ini adalah merupakan satu idea yang baik untuk dilaksanakan oleh pihak kementerian. Mungkin pihak kementerian selain daripada memastikan majikan ada mempunyai insuran-insuran yang mempunyai kredibiliti, mungkin kementerian boleh memikirkan untuk mewujudkan satu insuran kerajaan sendiri yang diswastakan tetapi dipegang milik ekuiti oleh kerajaan untuk memastikan kawal selia dan kawalan yang lebih tepat dan berkesan untuk pembayaran pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan saya bersetuju dengan pindaan bagi Jadual Pertama dan Kedua yang telah memperluaskan skop perlindungan yang diberikan kepada seorang pekerja sepertimana yang dimasukkan dalam jadual-jadual tersebut. Walau bagaimanapun, pada hemat saya, apa yang telah dimasukkan di dalam jadual-jadual ini semestinyalah spesifik sepertimana yang telah diperuntukkan. Tetapi saya juga berpendapat, memandangkan bahawa industri-industri ini akan melalui perubahan-perubahan

sama ada dari segi perubahan tentang produk atau perubahan penggunaan mesin, penggunaan bahan-bahan kimia dan sebagainya, mungkin ada baiknya jikalau kementerian boleh agaknya membuat satu peruntukan di dalam akta ini. Peruntukan khas ini memberi kuasa budi bicara kepada pihak Menteri untuk dapat menentukan bahawa dalam keadaan-keadaan tertentu di mana tidak ada peruntukan dalam jadual ini, pihak Menteri dapat dengan menggunakan asas perkiraan sepertimana yang digunakan bagi perkara-perkara yang diperuntukkan dalam jadual ini untuk menentukan pampasan bagi pekerja yang menerima kemalangan tetapi tidak termasuk di bawah jadual ini.

Saya berpendapat bahawa apa pun yang kita fikirkan, kita perlu sentiasa berperancangan (futuristic) supaya perkara-perkara yang mungkin tidak dapat kita lihat pada waktu ini, tetapi akan berlaku dalam jangka masa yang tidak tentu akan dapat juga kita atasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana rakan-rakan kita yang lain menyatakan nasib pekerja ini adalah perlu pembelaan yang sewajarnya dan kita memang menghargai segala sumbangan mereka kepada negara. Sepertimana juga kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, biarlah Malaysia merupakan satu tempat idaman pekerja-pekerja seluruh dunia.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

**5.02 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pampasan Pekerja 1952. Tujuan pindaan ini adalah memperjuangkan kaum buruh dan orang miskin.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kaum buruh di negara kita ini kerana kita mempunyai Menteri Sumber Manusia yang baik (Dato' Lim Ah Lek) dan Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir) yang begitu kuat kerja untuk kaum pekerja dan kaum miskin di negara kita ini.

Tadi, kami difahamkan bahawa rang undang-undang pindaan ini adalah untuk selama 17 tahun - 17 tahun adalah lama sangat. Sungguhpun demikian, Menteri dan Timbalan Menteri kita menjaga kebajikan kaum buruh di negara kita ini. Jadi, kalau boleh saya bagi pihak kaum pekerja di negara kita ini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan pada masa yang akan datang, kita jangan tunggu 17 tahun, sebab 17 tahun adalah amat lama. Saya cadangkan di antara 5 tahun ke-10 tahun kita hendaklah mengkaji semula tentang pampasan tersebut kerana cost of living atau kos kehidupan naik, inflasi dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menceburi dalam bidang politik sudah lama iaitu sejak tahun 1958, pada masa itu saya berada di parti pembangkang.

*[Ketawa]* Ya, semua orang tahu, dahulu saya adalah sosialis, sosialis maknanya saya adalah memperjuangkan untuk kaum buruh, kaum tani. Tujuan saya adalah baik iaitu untuk kaum miskin.

Semasa saya di dalam parti pembangkang dahulu saya selalu mendengar orang menuduh kerajaan, pada masa itu Kerajaan Perikatan adalah kerajaan yang kaya, yang memperjuang untuk nasib orang kaya, untuk majikan. Saya selalu bawa orang ke Labour Office di Seremban iaitu orang yang kena pecat dan seterusnya, macam-macam hal saya pergi ke situ - selama 10 tahun. Kaum pekerja selalu kompelin, “Ini government tidak ada guna” katanya. “Apa fasal tidak guna?” “Ini untuk orang kaya, untuk majikan sahaja”. Tetapi pada hari ini, apa yang membuktikan kerajaan kita ini bukan sahaja untuk orang kaya, bahkan juga untuk orang miskin, pekerja adalah orang miskin, biasanya orang kaya ada family planning - anak tidak ramai, orang miskin tidak ada planning, sebab knowledge tidak cukup, tiap-tiap tahun melahirkan seorang anak, dua orang pun ada juga. *[Ketawa]* Orang miskin anak ramai dan apabila pekerja itu nasibnya kurang baik, meninggal dunia ataupun cedera, anggotanya cacat, jadi familynya tidak ada orang hendak menjaga, lagipun majikan tidak membeli insuran bagi pekerjanya - tidak boleh, dia mahu simpan wangnya, mahu untung banyak. Ini kebajikan pekerja pun tidak ada.

Kita menyeru kepada pihak kerajaan haruslah mengambil tindakan terhadap mana-mana majikan yang tidak membeli insuran untuk pekerjanya dan

tindakan yang keras hendaklah diambil untuk menjamin kepentingan kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai insurans kompeni. Saya adalah seorang peguam, selalu ada mengendalikan ke-kes insurans pekerja. Saya sependapat dengan rakan saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi yang mengatakan banyak insurans kompeni dengan sengaja melambatkan bayaran, melambatkan bayaran itu tidak apa, kadangkadangkang mereka enggan dan langsung tidak mahu bayar. Dari pandangan lawyer kes ini haruslah dibayar, tetapi dia kata, "Ini tidak perlu bayar" sebab dia menentang ini atau melanggar itu dan seterusnya.

Oleh itu, pada hari ini saya menyeru kepada insurans kompeni supaya harus kasihan kepada kaum buruh yang meninggal dunia di dalam masa bekerja, kita harus merasa belas kasihan juga kepada kaum buruh yang cedera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan kaum buruh. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi supaya mengadakan satu Jawatankuasa Pekerja untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya pihak Kementerian Sumber Manusia, pertama mengadakan satu Biro Pengaduan Pekerja. Manamana pekerja yang kena tindas oleh majikannya ataupun tempat kerjanya tidak selamat, setiap masa menimbulkan apa-apa hal atau apa-apa insiden, jadi pekerja-pekerja harus kompelin atau mengadu kepada Biro Pengaduan Pekerja di dalam Kementerian Sumber Manusia seperti di Jabatan Perdana Menteri mengadakan satu Biro Pengaduan Awam.

Apa yang saya cadangkan pada hari ini adalah Biro Pengaduan Pekerja yang membuat kompelin terhadap majikan yang menindas mereka itu. Ini

adalah tujuan yang baik. Mengikut pandangan saya, kerajaan kita ini adalah untuk menjamin nasib orang yang susah, yang miskin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya cadangkan supaya kementerian akan menubuhkan satu Jawatankuasa Keselamatan Pekerja di tiap-tiap buah negeri di negara kita ini agar Jawatankuasa Keselamatan Pekerja dapat mengambil segala langkah dan memberi nasihat kepada kilang-kilang dan kepada majikan-majikan supaya dapat mengambil tindakan keselamatan untuk menjaga keselamatan kaum pekerja di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini adalah untuk orang miskin, adalah untuk orang yang nasibnya kurang baik, adalah menunjukkan kerajaan kita ini menjaga kepentingan kaum buruh dan kaum pekerja, oleh sebab itu, saya menyokong penuh terhadap pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ada yang hendak berbahas lagi? Dijemput pihak kementerian untuk menjawab, silakan.

**5.11 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji**

**Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, Yang Berhormat Puan Kamalia dan juga sahabat saya jaguh pekerja-pekerja, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ucapkan terima kasih di atas berbagai-bagai pandangan yang begitu baik dan bernas yang telah pun diberi oleh mereka, dan pandangan-

pandangan ini pihak Kementerian Sumber Manusia akan mengambil perhatian. Apabila kita melaksanakan undang-undang ini ataupun kita meminda pula undang-undang dari semasa ke semasa, kita akan memperbaiki lagi undang-undang tersebut. Banyak juga daripada pandangan mereka itu telah pun terjawab dengan sendirinya dalam pindaan yang saya telah bacakan tadi, memang sudah pun ada. Namun demikian, saya inginlah menjawab beberapa pandangan yang telah pun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah komen mengenai kadar pampasan sebanyak 20%. Memang ini bukan sahaja kita berdasarkan kepada kos sara hidup, tetapi juga kepada taraf kehidupan. Apabila kita ambil angka pada tahun 1977 dan kita naik sebanyak 20%, adalah dipandang pada ketika ini pampasan yang berkaitan itu adalah memadai, munasabah. Kita tidak juga mahu menaikkan dengan mengejut terlalu banyak. Namun demikian, sudah tentu dalam pindaan yang akan datang kelak perkara ini akan diubahsuai lagi.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba juga telah menyatakan mengenai bayaran pampasan pada kadar yang mana lebih rendah. Kadar pampasan yang dicadangkan berasaskan kepada yang mana lebih rendah adalah berasaskan kepada pendapatan sebenar semasa kemalangan berlaku dengan menetapkan jumlah maksimum. Beliau telah juga menyatakan cara pembayaran pampasan kepada pekerja asing. Dalam kes-kes kemalangan maut, pihak majikan akan mendapat bayaran pampasan dari Jabatan Buruh yang kemudiannya akan



menjalankan inquiry untuk menentukan orang tanggungan si mati. Jika orang tanggungan pekerja berada di negara asal, bantuan daripada pihak berkuasa tertentu negara berkenaan akan diminta untuk menentukan tanggungan sebenar si mati yang layak menerima wang pampasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Puan Kamilia Ibrahim dan juga Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah pun membangkitkan soal keselamatan dan juga kesihatan di tempat bekerja. Suka saya menyatakan bahawa pihak kementerian cukup peka dan mengambil berat mengenai perkara ini. Oleh sebab itulah, maka pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun menubuhkan satu majlis yang dinamakan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang dianggotai oleh wakil pekerja, wakil majikan, pihak jabatan-jabatan yang berkaitan untuk memastikan supaya sepanjang masa kita ada dasar yang berbagai-bagai untuk memastikan supaya tempat kerja itu selamat dan sihat untuk pekerja kita sepanjang masa. Bukan sahaja selamat, tetapi juga sihat dari segi jangka pendek dan juga jangka panjang.

Misalnya, kita ada suatu badan, satu institut, iaitu 'National Institute of Occupational Safety and Health'. Kita telah pun mendirikan satu bangunan tetap di Bangi berharga lebih RM16 juta, iaitu suatu institusi yang mana akan memberi latihan sepanjang tahun dan sepanjang masa kepada pihak majikan supaya tempat-tempat mereka itu selamat dan sihat sepanjang masa. Dalam

kursus-kursus ini kita akan juga memberi kursus-kursus yang spesifik, iaitu merangkumi juga misalnya bahan-bahan bahaya ataupun hazardous industries dan sebagainya. Ini adalah satu program yang berjalan sepanjang masa.

Di samping itu juga, pihak kementerian telah mengadakan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di tiap-tiap ibu negeri dan kadangkalanya di daerah-daerah pun ada juga di mana kita dapat pegawai yang cukup. Jadi, pegawai-pegawai kita ini di peringkat negeri bersama-sama dengan PERKESO dan juga Pegawai-pegawai Buruh sepanjang masa kita melawat di fakteri-fakteri, di tempat-tempat kerja bukan sahaja untuk memastikan aturan peraturan kesihatan dan keselamatan pekerja itu dipatuhi, tetapi juga kita mengambil berbagai-bagai tindakan mencegah (preventive) iaitu dengan mengadakan kursus, lecture dan sebagainya, iaitu tumpuan kita sepanjang masa adalah ke arah education dan juga preventive, bukanlah kepada memberi pampasan dan sebagainya. Betullah sebagaimana yang dikatakan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, iaitu kita tidak hendak memikir dari segi pampasan dan sebagainya, kerana apalah guna kalau orang sudah mati ataupun cedera parah, kita hendak mencegah. Memang tumpuan kita ke arah itu, iaitu untuk mencegah dan juga untuk memberi education.

Mengenai insurans yang telah pun dibangkitkan, ini telah pun saya nyatakan dalam ucapan pindaan tadi, iaitu untuk memastikan supaya syarikat-syarikat insurans itu bertanggungjawab, maka pihak kementerian akan mencadangkan kepada menteri, dan menteri akan mewujudkan satu panel

syarikat-syarikat insurans yang kita rasa bertanggungjawab. Dengan adanya panel syarikat-syarikat insurans yang mana akan diberikan garis panduan yang sedikit-sebanyak akan memperlindungi pekerja dan kepentingan pekerja, maka sudah tentulah masalah-masalah yang lepas di mana syarikat insurans melambat-lambatkan bayaran dan sebagainya tidak akan berbangkit lagi, insya-Allah.

Begitu juga mengenai pekerja-pekerja berisiko tinggi dan sebagainya, itu semuanya akan dirangkumi dalam tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, di mana yang saya telah menyatakan kita ada berbagai-bagai dasar untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja seperti itu.

Begitu juga mengenai menghantar rekod, kita perlu simpan rekod dan sebagainya, maka itulah sebabnya kita pinda Fasal 8 Akta ini, iaitu kita menaikkan denda daripada RM2,000 kepada RM5,000 kepada majikan yang tidak menghantar laporan kepada Jabatan Buruh tentang bilangan kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerja asing dan jumlah pampasan yang dibayar dari semasa ke semasa.

Begitu juga Yang Berhormat Puan Kamelia telah membangkitkan soal wang pampasan yang perlu dibayar cepat, dan pampasan itu patut, maka itulah di antara pindaan-pindaan yang telah pun dibuat di kementerian ini. Kalau diikuti ucapan saya semasa saya membentangkan rang undang-undang tadi, maka perkara-perkara ini telah pun diambil kira dalam pindaan-pindaan yang dibangkitkan tadi.

Mengenai kegiatan sosial, memang sepanjang masa pegawai-pegawai Jabatan Buruh ada mempunyai hubungan yang erat, kita membuat lawatan kepada perusahaan-perusahaan, industri-industri, dan kita adakan juga aturan dan peraturan di mana syarikat-syarikat ini dimestikan untuk mengadakan pegawai kaunseling di tempat-tempat tertentu, di mana pegawai kaunseling ini

akan memberi khidmat nasihat dan sebagainya kepada pekerja-pekerja yang terdapat di tempat bekerja itu.

Begitu juga kadangkala kita menggalakkan supaya pegawai-pegawai kaunseling ini sedikit sebanyak mempunyai latar belakang keagamaan supaya mereka juga dapat sedikit sebanyak memberi kursus keagamaan dan sebagainya supaya kegiatan sosial yang tidak diingini itu dapat dicegah.

Mengenai cadangan supaya ditubuhkan Biro Pengaduan Pekerja, saya rasa ini tidak penting kerana kita ada Jabatan Buruh di merata-rata, dan memang salah satu tugas dan tanggungjawab Jabatan Buruh adalah untuk menerima laporan dari pekerja-pekerja yang ditindas ataupun syarat-syarat kerja di tempat kerja mereka tidak begitu sesuai, tidak patut dan sebagainya. Kalau dalam kes-kes spesifik yang diberi laporan, maka Pegawai Buruh akan pergi siasat. Ini tidak bermakna mereka hanya tunggu laporan sahaja. Kita juga ada membuat lawatan-lawatan mengejut untuk memastikan supaya keadaan di tempat kerja itu adalah patut kepada buruh-buruh kita. Begitu juga dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan - kalau ada kes-kes penindasan, buang kerja ataupun kes tindakan disiplin yang dirasa tidak patut, maka pihak pekerja bolehlah membuat laporan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan yang mana akan ambil tindakan.

Saya terima baiklah pandangan Yang Berhormat Tuan Yim, sahabat saya dari Seremban. Saya pun rasa seronok, dia memang pejuang buruh dan rakyat

tertindas. Sebab itu dia begitu popular di Seremban dan itu adalah satu cadangan baik dan sudah tentu saya rasa undang-undang seperti ini, lebih-lebih lagi dengan struktur industri kita pun berubah dengan begitu cepatnya, undang-undang seperti itu patutlah di kaji dengan lebih kerap lagi, iaitu lebih kurang 5 tahun dan sebagainya. Insya-Allah pandangan itu kita akan cuba ambil perhatian dan kita akan laksanakan.

Tindakan terhadap majikan yang tidak mengambil insurans itu pun ada di dalam pindaan - kita tingkatkan hukuman terhadap orang-orang yang tidak ambil insurans. Begitu juga dalam soal melambatkan bayaran - itupun kita telah ada dalam pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada pandangan-pandangan yang telah diutarakan. Kalau ada mana-mana pandangan yang saya tidak sempat jawab, pihak kementerian akan mengambil perhatian dan kita akan cuba melaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PASPORT (PINDAAN) 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.**

**5.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini membahaskan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pasport 1966 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan secara umum terhadap fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan untuk dipinda atau diwujudkan bagi mengemaskinikan Akta Pasport, 1966 yang sedang berkuatkuasa sekarang selaras dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 memperkatakan perkara-perkara permulaan termasuk kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya akta ini.

Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 1A Akta dengan menggugurkan takrif ‘alien’ dan ‘Commonwealth Citizen’ serta memasukkan takrif baru bagi perkataan ‘immigration officer’, ‘senior immigration officer’, ‘police officer’, ‘senior police officer’, ‘officer of customs’, ‘senior officer of customs’ dan ‘Director General of Customs’.

Fasal 3 dan 5 bertujuan meminda Seksyen 2(1) dan (9) Akta dengan menggantikan perkataan ‘an alien’ dengan perkataan ‘a non-citizen’. Pindaan ini adalah bertujuan untuk memberi layanan yang sama kepada bukan warganegara tanpa mengira negara asal mereka.

Fasal 4 bertujuan meminda subseksyen 6(3) akta untuk menaikkan penalti bagi kegagalan nakhoda sesuatu vesel untuk mematuhi perintah Ketua Pengarah Imigresen di bawah subseksyen 5(1) akta untuk mengeluarkan dari Malaysia seseorang yang memasuki Malaysia dengan cara yang berlawanan dengan akta dan denda tidak melebihi RM1,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Penambahan penalti ini adalah untuk membolehkan keberkesanan kuasa Ketua Pengarah.

Fasal 6 bertujuan menggantikan Seksyen 10 Akta untuk memperjelaskan kuasa penahanan dan penyiasatan di bawah Akta yang diberikan kepada Pegawai Imigresen, Pegawai Polis dan Pegawai Kastam.

Fasal 7 bertujuan memasukkan Seksyen 10A, 10B, 10C, 10D, 10E, 10F dan 10G untuk menambah kuasa penguatkuasa di bawah akta.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 12(1) Akta untuk memperjelaskan kesalahan-kesalahan di bawah akta ini.

Fasal 9 bertujuan memasukkan subseksyen baru 12A, 12B, 12B dan 12D. Subseksyen 12A memperkatakan kesalahan-kesalahan berhubung dengan pemerolehan pasport ataupun memiliki pasport, dokumen perjalanan dalam negeri atau pengendorsan atau visa dalam pasport bagi orang lain dengan kenyataan palsu atau menggunakan dokumen palsu. Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen ini ialah hukuman denda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak lebih daripada RM50,000 dan mandatori penjara 1 tahun. Seksyen 12B memperkatakan kesalahan membuat dokumen palsu untuk digunakan sebagai pasport sama ada oleh orang yang membuatnya atau mana-mana oleh orang lain. Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen ini ialah denda minimum RM15,000 tetapi tidak melebihi RM100,000 serta mandatori penjara 2 tahun dan rotan tidak melebihi 6 sebatan.

Hukuman yang lebih berat ini adalah diperlukan bagi membendung kegiatan membuat, mengedar dan menggunakan pasport palsu yang berleluasa sekarang ini.

Seksyen 12C memberikan Ketua Pengarah Imigresen kuasa untuk memberikan hadiah kepada orang yang memberikan bantuan berkaitan dengan



pengesanan dan pendakwaan kesalahan di bawah akta. Peruntukan ini diwujudkan bagi menggalakkan lebih ramai orang tampil memberi maklumat.

Seksyen 12D memperuntukkan bahawa menteri boleh memberi arahan yang bersifat umum atau khusus yang tidak tak konsisten dengan akta kepada Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan segala arahan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, rang undang-undang ini adalah berasaskan kepada keperluan untuk memperkemaskinikan peruntukan yang tidak lagi sesuai yang mana perlu dimansuhkan, dipinda atau memerlukan peruntukan tambahan.

Akhirnya, pindaan ke atas Akta Pasport 1966 ini diharap dapat memberi sumbangan kepada wawasan negara untuk mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju dan makmur yang diidamkan oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pasport 1966 dibentangkan di Majlis ini bagi bacaan kali yang kedua dan dibahaskan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta

Pasport 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**5.32 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas dan seterusnya menyokong Akta Pasport (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, hukuman-hukuman yang lebih tinggi dan lebih setimpal kepada mereka yang menyalahgunakan pasport Malaysia yang telah pun dinaikkan dari RM10,000 ke RM50,000 dan juga mandatori penjara satu tahun. Begitu juga bagi mereka yang memberikan keterangan palsu telah pun dinaikkan dendanya ataupun dikenakan denda minimum RM15,000 ke RM100,000 dan dua tahun penjara dan juga enam kali sebatan rotan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, pasport Malaysia merupakan satu dokumen yang sungguh berharga. Kita pernah mendengar bahawa pasport Malaysia telah pun diperdagangkan dengan harga yang sungguh tinggi, sampaikan ada kalanya sampai RM50,000 ataupun RM100,000 pun mereka ini sanggup membayar untuk mendapatkan satu pasport perjalanan iaitu pasport Malaysia.

Ini disebabkan kerana mereka yang memegang pasport Malaysia boleh bergerak di mana sahaja di dunia ini kerana rakyat Malaysia sepertimana yang

kita ketahui, negara kita mempunyai kredibiliti yang sungguh tinggi. Jadi, mereka yang memiliki pasport Malaysia boleh pergi ke mana sahaja di seluruh dunia tanpa sekatan, di setengah-setengah negara tanpa memerlukan visa dan kalau pun memohon visa dengan mudah sahaja dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan. Jadi, itulah sebabnya pasport negara kita telah pun begitu berharga sekali.

Jadi, kita mengalu-alukan penalti-penalti yang telah pun dikenakan oleh pihak kerajaan kepada mereka yang menyalahgunakan pasport negara kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 4 iaitu yang bertujuan untuk meminda subseksyen 6(3) iaitu untuk menaikkan penalti bagi kegagalan nakhoda sesuatu vesel untuk mematuhi perintah ketua pengarah di bawah subseksyen 5(1) akta untuk mengeluarkan dari Malaysia seorang yang memasuki Malaysia dengan cara yang berlawanan dengan akta.

Di bawah Fasal ini penalti telah pun dinaikkan dari RM1,000 kepada RM5,000 ataupun penjara selama satu tahun.

Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan, adakah denda yang dikenakan ini bergantung kepada bilangan mereka yang telah pun dibawa masuk ataupun oleh nakhoda ataupun kapten kapal yang membawa masuk mereka ke negara kita ini bergantung kepada bilangan orang yang dibawa masuk ataupun ianya hanya secara flat rate iaitu dikenakan RM5,000 tanpa mengira berapa orang yang dibawa masuk, kerana maksimumnya ialah RM5,000.

Saya lebih bersetuju kalau penalti ini dikenakan berpandukan kepada kegagalan nakhoda sesebuah vesel itu untuk mengeluarkan bilangan orang-orang yang masuk di Malaysia dengan cara yang berlawanan dengan di bawah akta ini.

Jadi, dengan ini mungkin kita dapat memberikan satu pengajaran ataupun untuk menakutkan lagi mereka yang membawa ataupun yang terlibat vesel-vesel ataupun nakhoda-nakhoda ataupun kapten sesebuah kapal yang membawa mereka masuk ke negara kita ini.

Tetapi, kadangkala satu masalah yang timbul ialah bagaimana caranya pula Jabatan Imigresen ataupun Kementerian Dalam Negeri untuk bertindak kepada nakhoda-nakhoda ataupun mereka yang terlibat membawa masuk mereka itu ke negara kita, kerana biasanya vesel itu selepas sahaja ditinggalkan, mereka akan meninggalkan negara kita. Bagaimana pula tindakan hendak diambil kepada mereka yang terlibat ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Fasal 3 di mana kita meminda perkataan 'an alien' dengan perkataan 'a non-citizen' di mana kita tidak membezakan siapa sahaja di antara rakyat sama ada daripada Commonwealth country ataupun non-Commonwealth country yang datang ke negara kita dan semuanya kita anggap sebagai non-citizen.

Tetapi pada masa yang sama juga, saya berharap khasnya kepada Jabatan Imigresen supaya mempermudah mereka yang betul-betul yang jadi

pelancong yang hendak datang ke negara kita, yang hendak melawat ke negara kita, jangan terlampau diperketatkan, terlampau menyusahkan sehinggakan orang tak hendak datang melawat ke Malaysia dan ini akan merugikan negara dari segi tukaran wang asing dan sebagainya.

Sepertimana yang telah pun saya katakan semasa membahaskan Ucapan Titah DiRaja banyak negara sekarang ini, setengah-setengah negara telah pun memulakan di mana pelancong yang bona fide pelancong, maknanya pelancong yang betul-betul boleh mendapatkan visa dengan mudah datang ke airport dan sampai sahaja di airport ada satu jabatan yang boleh mengeluarkan visa di situ sahaja tanpa pelancong-pelancong ini terpaksa pergi pula ke kedutaan kita di negeri asal mereka.

Jadi, oleh kerana dalam keadaan dunia yang serba maju ini ramai orang yang tiba-tiba tergerak untuk datang melawat ke negara kita, jadi saya berharap juga kepada kerajaan, khasnya kepada Jabatan Imigresen supaya mempermudah sedikit pelancong-pelancong ini kerana ini bersesuaian dengan hasrat negara kita untuk mendapatkan seberapa ramai pelancong untuk datang ke negara kita dengan asas-asas yang telah pun ada tentulah kerajaan akan mengalu-alukan ketibaan ataupun kehadiran pelancong-pelancong ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai adanya pasport terhadap kita di Singapura dan juga pada masa yang sama kita juga mempunyai pasport

antarabangsa. Tujuan kita memiliki pasport antarabangsa ialah supaya apabila kita keluar di check point ada rekod, maknanya seseorang yang memiliki pasport antarabangsa itu ada rekod, kita masukkan ke dalam komputer ke mana dia pergi ataupun dia akan meninggalkan negara kita, maknanya rakyat Malaysia yang ada pasport dia akan meninggalkan negara kita.

Tetapi ada sesetengah orang, dia mempunyai pasport antarabangsa dan juga restricted pasport untuk ke Singapura. Dia pergi ke Singapura dengan menggunakan restricted pasport masuk ke Singapura, lepas itu dia meninggalkan Singapura pergi ke luar negeri dengan menggunakan pasport antarabangsa Malaysia yang dimiliki dan balik semula ke Singapura dan datang balik ke Kuala Lumpur. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya peraturan restricted pasport di Singapura ini dihapuskan supaya hanya satu sahaja pasport kita, tidak perlu lagi kita ada pasport yang khas untuk kita ke Singapura sahaja. Biar semua orang menggunakan international passport, jadi ada satu sahaja tempat yang boleh kita control. Kalau tidak, sesetengah orang kita tidak tahu sama ada dia telah meninggalkan negara kita atau tidak. Cuma yang kerajaan tahu dia hanya telah meninggalkan Malaysia pergi ke Singapura, itu sahaja kerajaan tahu, kerajaan tidak tahu yang dia telah meninggalkan negara kita tetapi kalau dia hanya ada satu sahaja pasport, mungkin kerajaan boleh monitor tentang perjalanan seseorang yang menggunakan pasport-pasport tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga banyak terdengar bahawa begitu mudahnya pasport kita ini hendak ditiru ataupun hendak dipalsukan oleh pihak-pihak tertentu. Saya berharap apabila dibuatkan pembaharuan pada masa-masa yang akan datang, difikirkan pula ciri-ciri keselamatan yang lebih baik supaya tidak mudah ditiru, adakalanya gambar boleh ditukar dengan mudah sahaja, itu pasport yang dulu-dululah, yang sekarang ini pun agak susah sedikit tetapi boleh ditukarkan, dikeluarkan gambar yang ada. Katakanlah gambar saya ditukarkan dengan gambar Tuan Yang di-Pertua, lepas itu orang pun tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan nama Rahim bin Baba, bukannya orang tahu, pergi ke London, pergi ke mana seorang pun tidak tahu. Saya pun boleh gunakan nama Ding Seling, orang tidak tahu juga kalau pergi ke luar negara dan sebagainya.

Jadi, ciri-ciri keselamatan ini diharap dapat diperkemaskan dan juga diperketatkan kepada pasport kita kerana sepertimana yang telah pun saya perkatakan tadi, pasport antarabangsa kita sebegitu berharga bukan sahaja kepada warganegara kita tetapi juga oleh warganegara-warganegara asing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya dengan ini menyokong Akta Pasport (Pindaan) 1995.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak kementerian menjawab. Silakan.

**5.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba kerana telah memberikan beberapa pandangan dan juga mengambil perhatian tentang pindaan Akta Pasport yang baru dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam subseksyen 6(3) yang dimaksudkan oleh Tuan Rahim Baba, maksud di sini iaitu RM5,000 denda ataupun satu tahun penjara, ini adalah satu denda keseluruhan, tidak kira satu persatu. Masa mahkamah membuat keputusan memang pihak mahkamah akan menimbang sejauh mana beratnya kesalahan yang telah dilakukan dan ini adalah terpulang kepada pihak pendakwa dan juga pihak pendakwa raya dan juga pihak-pihak yang berkuasa pada masa seseorang itu didakwa di mahkamah. Apa yang saya boleh mengatakan di sini mungkin Yang Berhormat Tuan Rahim Baba bermaksud ialah mengenai mereka yang telah melindungi pendatang-pendatang tanpa izin dan sebagainya, sebagai contoh. Memang kerajaan sedang dalam proses hendak meminda Akta Imigresen dan bukannya Akta Pasport ini.

Prinsip ataupun apa yang akan kita buat dalam pindaan Akta Pasport nanti, kita akan ambil kira berapa orang pendatang tanpa izin itu dilindungi, tidak kira dia dalam vesel ataupun oleh majikan dan sebagainya. Pada masa itulah kita akan kira seorang dilindung berapa, 10 orang berapa, 100 orang berapa, saya rasa mungkin itu maksud yang perlukan penjelasan daripada saya dan betapa beratnya dakwaan itu kita serahkan kepada pendakwa raya.



Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, pada masa kita mengadakan penguatkuasaan kita perlukan secara berhati-hati supaya kita tidak terlalu ketat sehingga kita menakutkan ataupun menyekat pelancong daripada masuk. Di sini suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya pada masa kini bukan semua rakyat daripada semua negara masuk ke Malaysia ini perlukan visa. Sebenarnya ada banyak negara boleh datang ke negara ini pada bila-bila masa tanpa visa terutamanya negara Komanwel dan juga negara-negara yang memang sudah ada hubungan yang begitu rapat dengan kita seperti negara Asean dan sebagainya. Itu pun kerajaan sedang mempermudah lagi negara-negara yang lain di mana kita berikan visa dalam masa yang singkat iaitu visa tanpa rujukan, tidak perlu tunggu masa yang lama kecuali ada negara-negara tertentu kita perlu mengenakan visa dengan rujukan atas sebab-sebab keselamatan dan faktor-faktor yang lain di mana perlu kita berhati-hati supaya kita tidak hendak orang-orang yang tidak diingini ini masuk keluar Malaysia ini dengan senang sehingga ianya akan menjejaskan keselamatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pasport terhad dan pasport antarabangsa telah pun digunakan sama ada bergilir-gilir ataupun disalahgunakan oleh seseorang Malaysia apabila dia ke luar negeri. Memang susah untuk kita mengesan pada masa seseorang Malaysia itu keluar hendak pergi ke mana, masa dia keluar kita tidak boleh pastikan orang itu hendak pergi ke mana sebab

masa dia keluar cuma di lapangan terbang kita endorse orang ini keluar pada sekian hari, sekian tarikh, kita tahu dia sudah keluar tetapi dia boleh pergi ke mana-mana negara tanpa terlebih dahulu memaklumkan kepada kerajaan. Pada masa orang itu balik baru kita tahu daripada rekod pasportnya.

Di sini, memang Jabatan Imigresen ada caranya untuk mengesan seseorang kalau dia gunakan pasport terhad untuk masuk ke Singapura, kemudian dia tukar kepada pasport antarabangsa. Pada masa seseorang itu menukar ataupun hendak memperbaharui pasport antarabangsanya kita akan tengok kalau cop itu sudah kurang, misalnya pada satu tarikh dia keluar tinggalkan Malaysia pergi ke Singapura, tetapi tiba-tiba dia balik dengan pasport antarabangsa atau sebaliknya, kedua-dua pasport itu, copnya sudah tidak tally, bila tidak tally, Jabatan Imigresen akan tahan kedua-dua pasport untuk disiasat, sampai kita tally, daripada situ kita tahu orang itu sudah gunakan dua pasport untuk pergi ke mana. Kalau dia cuba hendak buat sesuatu yang tidak diingini, misal kata dia hendak masuk negara yang dilarang, kita masih boleh kesan apabila pasport itu dihantar untuk diperbaharui. Apa yang mungkin timbul di sini.....

**Tuan Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Tuan Rahim minta laluan. Silakan Tuan Rahim.

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' tentang penjelasan itu tadi. Jadi, kalau dibuat cara demikian, kerana pasport kita tempoh lakunya 10 tahun, jadi maknanya selepas 10 tahun barulah pihak kerajaan atau pihak Imigresen dapat mengesan perjalanan seseorang itu, bukannya secara immediate, maknanya sudah lepas 10 tahun, kalau dia sudah pergi ke negeri-negeri yang dilarang oleh pihak kerajaan, barulah kerajaan dapat mengesan. Kalau dibuat secara demikian.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada hari ini cuma ada sebuah negara sahaja yang merupakan negara terlarang iaitu Israel. Itu pun dengan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu, seseorang warganegara Malaysia boleh pergi untuk tujuan yang dibenarkan.

Sebenarnya ini bukan lagi menjadi satu masalah yang begitu membimbangkan kerana adalah amat kurang sekali pada hari ini orang Malaysia pergi ke tempat-tempat yang tidak diingini. Tetapi, maksud saya ialah seseorang yang mungkin dia ada kegiatan-kegiatan jenayah yang lain, katakanlah apabila kita hendak menyiasat seseorang itu, kita tidak payah tunggu sampai 5 tahun. Sekarang, tempoh maksimum pasport ialah 5 tahun. Kita tak payah tunggu sampai masa itu sebab dalam masa 5 tahun, pembaharuan kita check copnya. Itu hanyalah satu routine checking.

Tetapi kalau sekiranya pihak polis katakanlah dia hendak tahu seseorang itu apa yang telah dilakukannya dalam satu atau dua tahun kerana disyaki

terlibat dalam satu-satu sindiket atau apa, bila-bila kita boleh panggil orang itu, ambil pasportnya dan kita check. Kalau kita hendak tahu sama ada orang itu ada di Malaysia atau pun belum balik, kita boleh memasukkan namanya di dalam komputer Imigresen. Semasa keluar masuk, kita tahu.

Tetapi kalau orang itu hendak keluar dan dia tidak mahu balik, kita beri pasport apa pun, dia boleh keluar dan dia tak mahu balik. Apa yang penting di sini, soalnya ialah mengapa pula kita masih gunakan pasport terhad kerana pada satu ketika, Singapura memang sebahagian daripada Malaysia dan selepas itu, kedua-dua negara ini masih mempunyai hubungan yang sangat rapat di mana rakyat daripada kedua negara ini memang sangat mobile hingga pada satu ketika pasport pun tidak payah digunakan.

Tetapi sekarang kita kenakan pasport terhad, tetapi lebih mudah keluar masuk dan masih ada checking dengan suatu pasport. Adalah tidak baik kalau sekarang kita mengatakan kita tarik balik pasport ini. Ini akan menimbulkan implikasi diplomatik antara kedua-dua negara. Nampaknya, pasport terhad ini masih sesuai digunakan tanpa apa-apa masalah yang timbul.

Tuan Yagn di-Pertua, mengenai pasport yang senang ditukar gambar ataupun, di”tempered with” ataupun sindiket memalsukan.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan, kalau kita menarik balik pasport terhad Singapura itu mungkin akan timbul masalah perhubungan dengan Singapura. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apa masalahnya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Sebenarnya, ia bukan satu masalah, tetapi ia ada satu implikasi. Nampaknya seolah-olah kita tidak mahu orang Malaysia pergi ke Singapura. Macam pada suatu ketika apabila Singapura menyekat vehicle kita untuk masuk ke sana dan kita terpaksa bayar, orang Malaysia sudah bising dan amat marah dan mengatakan “apakah maksud ini?”

Jadi, pada masa ini, oleh kerana hubungan rapat dari segi ekonomi, perdagangan dan sebagainya, kita tidak ada satu sebab yang perlukan kita berbuat demikian. Kalau sekiranya kita nampak sudah timbul satu masalah, barulah kita kenakan. Kalau dalam keadaan atau suasana yang baik, kita rasa tidak perlu berbuat demikian.

Lagi pun, ramai orang Malaysia kita di Johor perlukan pasport ini. Bila kita naikkan bayaran pasport untuk pasport terhad, mereka banyak menimbulkan perasaan tidak puas hati. Jadi, sebenarnya orang kita sendiri perlukan pasport ini lebih daripada apa yang ditimbulkan di sebelah sana. Jadi, nampaknya masalah ini bukan satu masalah, tetapi ia adalah satu kehendak dan keperluan orang kita untuk memudahkan keluar masuk.

Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan kita meminda akta ini kerana salah satu cara ialah yang ada sindiket yang begitu kerap dan cuba hendak meminda gambar ataupun butiran-butiran yang lain, terutamanya pasport antarabangsa ini sehingga sindiket-sindiket telah menjualkan pasport kepada negara luar.

Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba kerana pasport masa kini, sindiket yang mahir dan mempunyai teknologi yang canggih boleh berbuat demikian.

Oleh sebab itulah di samping kita memperketatkan atau mempertingkatkan penalti, kita memberatkan hukuman untuk pasport ini dan pada masa yang sama kerajaan sedang dalam proses mengenalkan satu pasport yang baru iaitu machine readable passport iaitu pasport yang boleh dibaca oleh mesin dan komputer di mana ciri-ciri keselamatan akan dipertingkatkan lagi. Apabila pasport yang baru ini dikenalkan, kerajaan yakin pasport antarabangsa Malaysia akan menjadi lebih susah untuk dipalsukan di samping kita kenakan undang-undang ini.

Itu sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba dan kalau ada perkara yang tidak dapat saya jelaskan dengan sempurna, saya beri jaminan, kementerian saya akan turut memberikan perhatian.

Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN  
PEMBANGUNAN BANDAR (PEMBUBARAN) 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah akta tersebut dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara yang lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan dibentangkan ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Pembangunan Bandar 1971 membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang ditubuhkan di bawah akta tersebut dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sebelum cadangan rang undang-undang ini dibincangkan, izinkanlah saya menerangkan secara ringkas latar belakang Perbadanan Pembangunan Bandar.

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu Akta 46, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar pada 12hb. November, 1971. Sebagai sebuah agensi amanah yang diwujudkan dalam era Dasar Ekonomi Baru, UDA ditubuhkan dengan dua objektif iaitu membangunkan kawasan-kawasan bandar secara terancang dan keduanya menyusun semula masyarakat melalui pembangunan bandar.



Secara ringkas adalah menjadi fungsi UDA untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bandar bagi meningkatkan penyertaan seimbang semua kaum dalam perniagaan dan kegiatan-kegiatan utama ekonomi bandar.

Pada masa ini, UDA mempunyai 694 orang kakitangan, seramai 161 orang kakitangan adalah dari kumpulan pengurusan dan profesional, sementara 521 adalah kakitangan sokongan.

Sejak ditubuhkan, UDA dalam usahanya menyusun semula masyarakat telah mempergiatkan projek-projek pembangunan bandar baru dan pembangunan semula bandar. Projek-projek pembangunan harta tanah ini menyumbang secara keseluruhannya kepada pembangunan kawasan perbandaran yang terancang. Ia juga mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan menempatkan usahawan pelbagai kaum dalam pusat-pusat pertumbuhan yang berdaya maju.

Pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baru oleh UDA seperti Taman Tun Dr. Ismail, Subang Jaya, Bandar Baru UDA di Johor Bahru, Bandar Tun Hussein Onn di Cheras, Bandar Baru Bertam di Seberang Perai, menyediakan kawasan perumahan, pusat komersil dan rekreasi di mana masyarakat pelbagai kaum khususnya usahawan bumiputera menjalankan aktiviti perniagaan.

Pembangunan ini memberi peluang kepada masyarakat dan usahawan memiliki ruang-ruang perniagaan yang strategik dan mendiami kawasan perumahan terancang serba lengkap.

Sehingga kini, UDA telah menyiapkan lebih 5,000 unit ruang niaga yang sebahagiannya telah dijual atau sedang disewakan. Pada masa ini UDA juga memiliki dan menguruskan lebih 2 juta kaki persegi ruang niaga di kompleks perniagaan siap ataupun dalam pembinaan di lokasi yang strategik, antaranya ialah BB Plaza, Kompleks Pertama, Hentian Pudu Raya, Sinar Kota - kesemuanya di Kuala Lumpur. Plaza Angsana di Johor Bahru dan Plaza Green Town di Ipoh yang dibuka baru-baru ini.

Matlamat akhir pembinaan ruang niaga oleh UDA ialah untuk menyediakan peluang bagi bumiputera berniaga di kompleks perniagaan yang strategik. Sebanyak 76% daripada ruang niaga yang dimiliki oleh perbadanan ini sedang disewakan kepada bumiputera dan lebih 55% dari ruang niaga yang dijual oleh UDA juga telah dibeli oleh usahawan bumiputera.

Dalam sektor perumahan pula, UDA telah membangunkan lebih 13,600 rumah kediaman pelbagai jenis termasuk 2,149 unit rumah kos rendah di mana 73% daripada keseluruhan rumah kediaman telah dijual kepada bumiputera.

Syarikat-syarikat perunding dan pemborong bumiputera juga telah mendapat limpahan faedah daripada projek-projek UDA. Lebih 58% daripada kerja-kerja kontrak bernilai RM1,813 juta dan 63% daripada kerja-kerja perundingan projek bernilai RM148 juta telah dianugerahkan kepada ramai kontraktor perunding bumiputera.

Prestasi kewangan perbadanan menunjukkan trend yang memuaskan. Sejak 5 tahun kebelakangan, kedudukan kewangan UDA bertambah mantap. Lebihan pendapatan atas perbelanjaan terkumpul meningkat daripada RM48.6 juta pada tahun 1990 kepada RM260.4 juta pada tahun 1994. Sehingga 31hb. Disember 1995, UDA telah mencatatkan lebihan pendapatan terkumpul sebanyak RM420.62 juta. Unjuran kewangan bagi tahun-tahun hadapan juga menunjukkan UDA akan dapat mengekal serta memperkukuhkan prestasi kewangannya. Selain dari Lembah Kelang, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuala Terengganu, UDA juga telah memperluaskan aktiviti pembangunannya ke kawasan-kawasan peringkat kedua dan bandar-bandar kecil yang berpotensi seperti Kuala Kangsar, Perak, Paka di Terengganu, Kluang di Johor dan Kepala Batas di Seberang Perai dan lain-lain.

Dalam melaksanakan aktivitinya, UDA bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Keupayaannya bersaing adalah terbatas disebabkan UDA tertakluk kepada peraturan dan prosedur kerajaan. Dalam konteks ini, peluang-peluang UDA untuk mempertingkatkan daya saing dan kekesanannya sebagai entiti korporat yang dinamik dalam melaksanakan aktiviti komersil adalah terhad. Sejak tahun 1980, UDA telah melaksanakan kaedah persyarikatan di mana sebahagian daripada projek-projek pembangunan harta tanah, pengurusan bangunan dan perniagaan runcit dilaksana melalui syarikat-syarikat subsidiarinya. Kaedah ini menampakkan kesan faedah yang positif dalam

meningkatkan motivasi kakitangan dan menyegerakan pelaksanaan projek setanding dengan prestasi syarikat-syarikat swasta.

Adalah dijangkakan kelebihan persaingan UDA dalam melaksanakan aktiviti pembangunan harta tanah dan perniagaan serta pencapaian masa hadapannya dapat diperkukuhkan sekiranya persyarikatan UDA dilaksanakan secara menyeluruh. Dalam perspektif inilah saranan supaya UDA dipersyarikatkan telah diperakukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Setelah dipersyarikatkan UDA perlu mengusahakan sumber kewangannya sendiri memandangkan ia tidak akan mendapat kemudahan peruntukan daripada kerajaan lagi. Ini bermakna persyarikatan UDA akan mengurangkan pergantungan kepada sumber kewangan kerajaan untuk membiayai program-program pembangunannya.

UDA mempunyai harta yang kukuh; sehingga akhir tahun 1995, Perbadanan telah berjaya meningkatkan pemilikan harta ke tahap RM1,400 juta. Pemilikan harta ini merupakan salah satu kelebihan persaingan (competitive advantage) yang dipunyai oleh UDA. Harta-harta ini boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman modal dari institusi kewangan bagi memperluaskan aktiviti pembangunan, meningkatkan pendapatan dan memperkukuhkan kedudukan kewangan syarikat seperti yang diamalkan oleh syarikat-syarikat swasta.

Dalam struktur modal yang tidak seimbang dalam bentuk ekuiti, sumber kewangan dalaman dan kemudahan pinjaman dari institusi kewangan swasta, UDA berkeupayaan menjadi pemaju harta tanah yang lebih mantap dan lebih berdaya saing. Sebagai agensi kerajaan, UDA mengalami kesulitan dalam beberapa aspek pengurusan. Apabila UDA bertukar kepada sebuah syarikat, proses membuat keputusan boleh dipersingkatkan. Keputusan penting

lazimnya dibuat oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan. Sebagaimana agensi awam yang lain, UDA sering menghadapi masalah untuk mengekalkan kakitangan teknikal untuk berkhidmat lebih lama kerana mereka tertarik dengan tawaran gaji yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat swasta.

Apabila bertukar menjadi sebuah syarikat, UDA kelak akan mempunyai peluang menawarkan insentif perkhidmatan yang sejajar dengan industri bagi meningkatkan lagi moral dan kesetiaan kakitangannya. Persyarikatan UDA dijangka tidak akan menjejaskan dasar dan objektif penubuhan serta hasrat kerajaan untuk melaksanakan projek-projek sosial, melaksanakan program pembangunan usahawan dan menyusun semula masyarakat.

UDA dalam bentuk syarikat akan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan menerusi Kementerian Kewangan (Diperbadankan) ataupun Ministry of Finance (Incorporated). Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif yang dilantik oleh Menteri Kewangan bertanggungjawab mengawal dan memastikan objektif dan dasar kerajaan dilaksanakan oleh syarikat baru ini. UDA adalah perbadanan awam yang tidak mempunyai peranan mengawal selia ataupun tidak mempunyai peranan regulatory. Peranan UDA lebih nyata sebagai pemaju harta tanah, pengurusan bangunan dan perniagaan retail. Oleh itu, persyarikatan UDA tidak memberi kesan terhadap fungsi utamanya sebagai

pelaksana projek-projek pembangunan bandar dan lain-lain aktiviti yang diceburinya.

Kuasa pengambilan tanah secara wajib yang diperuntukkan kepada UDA bagi tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan bandar akan lupus setelah UDA dipersyarikatkan. Walau bagaimanapun, kesan kehilangannya terhadap operasi UDA adalah kecil. Kebanyakan tanah untuk pembangunan UDA diperolehi melalui pembelian secara biasa. Setelah dipersyarikatkan UDA dengan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki akan meneruskan dan mempergiatkan peranannya sebagai agen pembangunan bandar yang lebih efisien.

Dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya, UDA akan tetap meneruskan dasar-dasar dan matlamat kerajaan termasuk pemberian kontrak, pembangunan projek-projek kepada pemborong bumiputera yang berkeelayakan, pengagihan kuota pemasaran dan pembelian diskaun kepada pembeli-pembeli bumiputera, program-program khidmat rundingan untuk membantu bumiputera memajukan tanah-tanah mereka di kawasan bandar juga akan diteruskan.

Pembangunan pusat-pusat pertumbuhan dan komersil akan memberi lebih banyak peluang kepada kumpulan sasaran, terutamanya kalangan usahawan untuk berniaga di pusat perniagaan yang lebih strategik. Peranan UDA di bidang pembangunan usahawan akan terus dilaksanakan, khususnya usahawan harta tanah dan usahawan dalam bidang-bidang perniagaan yang

berkaitan dengan kompleks membeli-belah dan gedung raya. Program vendor dan sektor pembekalan bahan-bahan pembinaan yang dilaksanakan akan diperluaskan untuk menambah ramai usahawan-usahawan yang berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, persyarikatan UDA akan menyumbang kepada objektif kerajaan mengecilkan saiz perkhidmatan awam dan mengurangkan pergantungan kepada sumber kewangan kerajaan. Selain itu, UDA dan kakitangannya berpeluang untuk beroperasi dengan lebih cekap sebagai sebuah badan korporat yang dinamik dan berdaya saing mencapai objektif tanpa mengabaikan kepentingan kumpulan sasaran dan menjejaskan matlamat serta dasar kerajaan.

Cadangan pemansuhan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 dan penggubalan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 adalah untuk membolehkan UDA dibubarkan.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Penggubalan dan kelulusan Rang Undang-undang Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 adalah perlu bagi memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 dan seterusnya membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah akta ini.

Cadangan Rang Undang-undang Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 ini dibentangkan untuk kelulusan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**6.16 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia faham bahawa UDA yang telah diwujudkan dalam tahun 1971 adalah bermatlamatkan antara lain pembangunan semula bandar dan seterusnya melaksanakan projek-projek dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, perumahan dan kegiatan lain untuk dibahagi-bahagikan antara kaum dan sekaligus membentuk semula masyarakat melalui pembangunan bandar.

Seperti yang dinamakan oleh Yang Berhormat Menteri, UDA telah berjaya menyiapkan lebih 5,000 unit ruang niaga yang dijual dan disewakan dan memiliki serta menguruskan 2 juta kaki persegi ruang niaga di kompleks



perniagaan dan daripada jumlah itu 76% ruang niaga adalah disewakan kepada bumiputera dan 55% telah dibeli oleh usahawan bumiputera.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada UDA yang telah berjaya dalam usaha-usahanya untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam perniagaan dan keusahawanan. Saya percaya inilah apa yang telah dihasratkan oleh pemikir ataupun yang telah memberi idea penwujudan UDA semasa ianya telah diwujudkan.

Kita juga berbangga bahawa UDA sebagai sebuah agensi kerajaan telah berjaya mewujudkan ruang niaga dan menjual premis kepada bumiputera dan kini UDA akan diswastakan atas sebab untuk melicinkan pengurusan, mengekalkan kakitangan teknikal dan juga tarikan kompetitif dengan syarikat-syarikat swasta yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, UDA yang diswastakan akan terus sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berperanan sebagai pemaju dengan sekatan-sekatan kuasanya yang akan lupus oleh kerana ianya akan disyarikatkan. Pada lahiriahnya saya hanya bersetuju yang pengkorporatan ini akan diteruskan kerana ianya akan terus menjayakan objektif-objektif kerajaan sepertimana yang telah dikatakan tadi dan juga ianya akan mengecilkan saiz perkhidmatan awam yang mana juga saya jangka akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan yang selama ini mungkin juga telah ditampung oleh kerajaan untuk menguruskan UDA.

Saya berharap dengan penswastaan ini juga, hutang yang masih ada dengan kerajaan akan dibayar balik oleh UDA kepada kerajaan dan juga tidak akan wujudnya pinjaman yang akan diberi dengan syarat-syarat mudah kepada UDA daripada pihak kerajaan. Jika itu berlaku tentunya ini akan menggagalkan objektif kerajaan dalam usaha-usaha penswastaan. Kita tidak mahulah dengan adanya persyarikatan tetapi kerajaan masih lagi menanggung bebanan tanggungan kepada agensi-agensi yang disyarikatkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tahu yang UDA akan terus melaksanakan tanggungjawabnya untuk terus membangunkan bandar-bandar dan seterusnya juga akan memberi pertimbangan dan perhatian serta pembelaan kepada peniaga-peniaga bumiputera, saya ingin mencadangkan bahawa UDA perlu membuat satu penilaian tentang matlamat dan fungsinya dan cara mana pengurusannya akan bertindak. UDA mungkin perlu menimbangkan matlamatnya - mengarahkan ianya diwujudkan sebagai satu syarikat bumiputera yang bukan sahaja berfungsi untuk menambah dan mengekalkan hak milik harta, tetapi juga berfungsi sebagai satu badan kawal selia terutamanya untuk mengawal tanah-tanah yang diperuntukkan untuk orang Melayu di bawah rizab Melayu, harta hak milik bumiputera dan seterusnya merupakan satu syarikat yang akan merancang masa depan premis perniagaan bumiputera untuk memastikan peratusan tanah tertentu kekal sebagai hak milik bumiputera Melayu.

Buat masa ini, seperti yang kita tahu kita tidak wujud satu badan yang tertentu yang memang khususnya untuk mengawal selia dan untuk dapat menentukan tentang perubahan-perubahan yang berlaku pada hak milik tanah-tanah, terutamanya tanah-tanah rizab Melayu, walaupun kita tahu bahawa bidang kuasa untuk hak milik bumiputera ataupun tanah rizab Melayu ini adalah di bawah bidang kuasa negeri. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan UDA akan dapat menjadi sebuah syarikat yang berfungsi sepenuhnya sebagai satu syarikat yang dapat mengawal pergerakan pertumbuhan penghakisan tanah-tanah yang diperuntukkan kepada orang Melayu.

Saya juga mencadangkan Syarikat UDA ini hendaklah mempunyai kuasa tertentu yang perlu diperuntukkan oleh Kanun Tanah Negara, dan ini pastinya memerlukan satu pindaan kepada Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, saya percaya jika kita dapat memberikan justifikasi yang sebenarnya dan memang diperlukan, maka tentunyalah kita akan dapat mewujudkan satu peruntukan undang-undang dalam Kanun Tanah Negara melalui Majlis Tanah Negara untuk UDA sebagai sebuah syarikat dapat berperanan sepertimana yang telah saya sebutkan tadi. UDA perlulah dilihat sebagai entiti bermatlamat sosio-ekonomi dan politik.

Saya juga mencadangkan untuk UDA lebih berperanan efektif, diwujudkan satu tabung atau badan atau cawangan atau jabatan dalam Syarikat UDA ini yang diberi amanah untuk memegang semua harta ataupun premis yang telah dibina oleh Syarikat UDA yang sepatutnya diperuntukkan untuk bumiputera dan yang telah dimajukan oleh UDA itu untuk ianya dikawal agar tidak bertukar tangan dan sentiasa dikawal hak miliknya. Ini bermakna bahawa kita boleh wujudkan satu badan mungkin sama seperti PNB untuk memegang hartanah yang diperuntukkan untuk pemilikan bumiputera untuk dijaga oleh syarikat seperti UDA, agar hartanah itu atau premis-premis yang dibina, terutamanya di kawasan-kawasan komersil sepertimana kita tahu buat masa ini kebanyakan premis-premis komersil di negara ini adalah dipegang oleh bukan bumiputera. Dan tentu sekali untuk kita menyelaraskan masyarakat di dalam negara ini yang mana kita menghapuskan jurang perbezaan antara kaum, yang mungkin dalam segi komersil terutamanya, maka ini adalah satu cara di mana kita boleh mengatasi masalah yang dihadapi ketika ini.

Kita tidak mahu bumiputera akan dipinggirkan terutama di kawasan-kawasan premis komersil yang terpenting di negara ini. Buat masa ini pun kita tahu, di Kuala Lumpur sendiri bumiputera hanya memiliki - saya harap akan dibetulkan jika tak betul, iaitu hanya 5% daripada premis komersil yang ada. Saya percayalah kalau bumiputera terutamanya usahawan-usahawan baru yang

hendak mulakan perniagaan, mungkin ianya tidak dapat menembusi tempat-tempat komersil yang strategik kerana sewa yang mungkin tinggi.

Saya juga mencadangkan bahawa Syarikat UDA walaupun kita tahu semua syarikat akan sentiasa mementingkan profit, dengan izin, atau keuntungan, saya mencadangkan bahawa UDA akan merupakan sebuah syarikat yang lebih berorientasikan prestasi yang akan dicapai, 'achievement oriented', syarikat daripada ianya lebih memikirkan tentang profit. Kerana saya percaya jika matlamat Syarikat UDA ini apabila telah dipersyarikatkan nanti, masih kekal sepertimana yang dikatakan, maka pastinyalah ia menentukan bahawa target atau objektifnya itu akan dicapai walaupun mungkin ini akan mengurangkan profit yang akan diperolehi oleh UDA dalam masa-masa ia cuba mencapai matlamatnya. Kita tidak mahu syarikat-syarikat yang diwujudkan setelah ianya ditukar daripada agensi kerajaan akan lebih berperanan untuk mementingkan keuntungan daripada mementingkan matlamat yang perlu dicapai.

Saya juga mencadangkan bahawa persyarikatan UDA yang akan wujud ini akan merupakan satu badan yang membuat perancangan secara 'futuristic'. Ini bermakna bahawa mungkin 'future study', dengan izin, adalah satu bidang yang baru yang mungkin perlu difikirkan supaya rancangan-rancangan masa depan untuk persyarikatan ini akan dapat mengambil kira perkara-perkara yang mungkin perlu dihadapi dalam tempoh masa lima tahun ataupun 10 tahun. Dan

syarikat ini pula perlulah mengadakan strategi-strategi baru untuk dapat menyamai kedudukan terutamanya premis-premis ataupun tempat-tempat yang menjadi komersil untuk lebih bersesuaian dengan arah tuju globalisasi yang banyak telah diperkatakan.

Saya ingin lagi sekali menyatakan bahawa UDA adalah satu badan yang diberi penuh harapan agar akan dapat terus mempertingkatkan keupayaan bumiputera dalam mencapai hasrat untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di masa hadapan. Saya percaya, dengan terlulusnya rang undang-undang ini UDA akan dapat terus menjayakan hasrat ini dan akan terus dapat mencapai cita-cita sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

**6.27 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 ini dan ingin memberikan beberapa pendapat serta turut juga menyokong apa yang dipaparkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamalia tadi, terutamanya dari segi fungsi baru yang hendak diusahakan oleh

UDA dengan nama barunya, Syarikat UDA. Walau bagaimanapun, kita perlu meninjau tahap pencapaian yang telah pun dicapai oleh UDA sejak tertubuhnya 25 tahun dahulu.

Saya amat terperanjat sekali apabila diberitahu bahawasanya setakat ini 13,600 unit rumah-rumah telah didirikan oleh UDA di beberapa tempat, terutamanya di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh dan juga Seberang Prai. Dalam usaha hendak menjelmakan 13,600 unit dalam masa 25 tahun ini bererti UDA berjaya mendirikan 544 buah rumah setahun. Ini kalau diukur dari segi keupayaan UDA sebagai satu badan yang mempunyai kuasa - Urban Development Authority - mempunyai authority, mempunyai kuasa, saya percaya menyedihkan juga. Kerana permasalahan yang timbul pada tahun 1971 setelah wujudnya beberapa masalah yang mewujudkan sendiri UDA ini, masalah itu setakat ini sebelum selesai. UDA juga saya difahamkan pada satu ketika mempunyai beberapa syarikat yang dibiayai sendiri oleh UDA menerusi kerajaan.....

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Dato', panjang lagikah ucapan?  
Sambung esok.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Insya-Allah, ya.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***

